# LAPORAN TAHUNAN

# 2015

## SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN
# 2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA



# SIDANG EDITORIAL

**Penaung**
Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak

**Penasihat**
Dato' Zainal Abidin bin Ahmad
Salmah binti Idris
Abdullah bin Tahir

**Pasukan Editorial**
Dr. Surinasirah binti Pakih
Raja Adnan bin Raja Ibrahim
Nurshakirah binti Md Samsudin
Nik Izzani Nuraini binti Zainal Rahim
Nurulazraq bin Mohamad
Munira binti Masud
Fatin Nabilah binti Nor Azahar

**Jurufoto**
Padzil bin Sanom

**Kerjasama Khas**
Ahli-Ahli Suruhanjaya

**Penghargaan**
Bahagian Pengambilan
Bahagian Pengambilan Khas
Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib
Bahagian Perkhidmatan
Bahagian Peperiksaan
Bahagian Pengurusan Maklumat
Bahagian Urus Setia Mesyuarat
Bahagian Pengurusan
Unit Perhubungan Awam
Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan
Urus Setia SPA Cawangan Sarawak
Urus Setia SPA Cawangan Sabah

## VISI

Menjadi agensi peneraju yang dinamik dan berwibawa dalam urusan pelantikan dan perkhidmatan penjawat awam.

## MISI

Melantik penjawat awam yang berkualiti dan menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan negara.

## MOTO

Mudah, Cepat, Tepat.



LAPORAN TAHUNAN
2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

# KANDUNGAN

3 Visi, Misi & Moto
5 Perutusan Pengerusi
9 Prakata Setiausaha
13 Ringkasan Eksekutif
17 Latar Belakang
21 Ahli-Ahli Suruhanjaya
23 Urus Setia Suruhanjaya
- Carta Organisasi
- Fungsi Bahagian
27 Pusat Temu Duga
33 Kaedah Pengambilan
- *MyRecruitment*
- *Competency-Based Interview* (CBI)
- Peperiksaan *Online*
39 Urusan Pelantikan
55 Urusan Perkhidmatan
65 Urusan Naik Pangkat dan Kawalan Tatatertib
71 Mesyuarat dan Persidangan Suruhanjaya
77 Bajet
79 Liputan Media
85 Sorotan Aktiviti Suruhanjaya
95 Delegasi Luar Negara
99 Jalinan Warga SPA
107 Lampiran A
112 Lagu SPA

# PERUTUSAN PENGERUSI



"Cabaran utama SPA adalah untuk memilih calon-calon yang terbaik di kalangan yang baik bagi menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat. Oleh kerana itu, pegawai yang dipilih haruslah mempunyai ciri-ciri jati diri dan karakter yang bertepatan dengan tugas masing-masing."

# PERUTUSAN PENGERUSI

## SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Saya bersyukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) berjaya menerbitkan Laporan Tahunan SPA 2015. Penerbitan ini diharap dapat menjadi wadah perkongsian maklumat dan menjadi sumber rujukan kepada pihak yang berkepentingan dan juga agensi-agensi kerajaan dalam memastikan keberkesanaan pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam.

Sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang bertanggungjawab menguruskan pelantikan pegawai-pegawai awam dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, cabaran utama SPA adalah untuk memilih calon-calon yang terbaik di kalangan yang baik bagi menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat. Oleh kerana itu, pegawai yang dipilih haruslah mempunyai ciri-ciri jati diri dan karakter yang bertepatan dengan tugas masing-masing.

Dalam hal ini, SPA sudah tentulah mengharapkan calon-calon bukan hanya memiliki kelayakan akademik yang cemerlang, tetapi juga memiliki pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang relevan dengan keperluan jawatan bagi melonjak pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Di samping itu, keperluan masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik turut diberi perhatian dalam pengisian jawatan di sektor awam.

Tahniah kepada semua warga kerja SPA yang telah mencipta kejayaan pada tahun 2015, khususnya penambahbaikan di dalam aplikasi sistem secara online, istimewanya peperiksaan *online*. Saya percaya dengan usaha gigih dan semangat yang tidak pernah pudar, banyak lagi lonjakan boleh dilakukan secara berterusan.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan dan warga SPA seluruhnya atas komitmen yang bersepadu dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Saya berdoa semoga segala usaha yang kita lakukan akan diberkati dan dipermudahkan oleh Allah SWT jua.

**DATO' SERI ARPAH BINTI ABDUL RAZAK**
*Pengerusi*
*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia*

# PRAKATA SETIAUSAHA




"SPA sentiasa mempertingkatkan keupayaan sistem penyampaiannya dari semasa ke semasa dalam mengharungi cabaran global dan domestik demi memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat."

# PRAKATA SETIAUSAHA

## SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saya melahirkan rasa syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izin dan kurniaNya, Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) Tahun 2015 telah berjaya diterbitkan. Laporan tahunan ini merekodkan urusan-urusan di bawah fungsi SPA dan merakamkan program serta aktiviti SPA sepanjang tahun 2015 yang seterusnya menjadi kayu pengukur pencapaian SPA secara keseluruhan.

SPA sentiasa mempertingkatkan keupayaan sistem penyampaiannya dari semasa ke semasa dalam mengharungi cabaran global dan domestik demi memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat. Konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam dijadikan asas dan panduan dalam merangka dan melaksanakan fungsi-fungsi SPA selaras dengan fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan.

Sepanjang tahun 2015, SPA telah menerima sebanyak 1,629,813 permohonan bagi pelbagai jawatan. Daripada jumlah tersebut setelah dibuat tapisan, seramai 245,143 calon telah dipanggil temu duga dan seramai 45,293 calon telah berjaya dilantik secara tetap dan kontrak ke dalam perkhidmatan awam. Selain daripada itu, dalam tempoh yang sama, seramai 24,607 pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan, 24,200 pegawai telah diberi taraf berpencen, dan 96 pegawai telah bertukar perkhidmatan. Suruhanjaya juga telah memutuskan 68 kes tindakan tatatertib dan 464 kes rayuan tatatertib.

Dalam tahun 2015, SPA telah mengadakan sebanyak 42 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 42 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib, dan 34 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat yang melibatkan 2,684 kertas secara keseluruhannya. SPA juga telah melaksanakan fungsinya dengan beretika dan berbelanja secara berhemat. Sumber kewangan diurus dengan cermat dan mampan dalam keadaan telus, manakala program-program turun padang turut dirancang dan dilaksanakan secara objektif dengan mengambil kira kehendak dan keperluan rakyat.

Sesungguhnya pencapaian sepanjang tahun 2015 adalah merupakan kesinambungan tradisi kecemerlangan hasil semangat kerjasama dan komitmen penuh seluruh warga SPA. Semangat ini pastinya perlu diteruskan dalam menghadapi cabaran pada tahun-tahun yang akan datang terutamanya dalam merealisasikan perancangan yang digariskan dalam Pelan Strategik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia 2016-2020 yang telah dilancarkan pada 11 Disember 2015.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada warga SPA termasuk semua pihak yang telah menyumbang kepada pencapaian SPA sepanjang tahun 2015. Semoga SPA akan kekal relevan, cemerlang dan mampu mengharungi cabaran pada masa akan datang.

Salam hormat dan selamat maju jaya.

**Dato' Zainal Abidin bin Ahmad**
*Setiausaha*
*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia*

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan SPA ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Fasal (1) Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di kedua-dua Dewan Parlimen.

SPA telah ditubuhkan di bawah Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan.

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli (minimum 4 orang). Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia termasuk Urus Setia Cawangan Sarawak dan Urus Setia Cawangan Sabah yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Bagi tahun 2015, di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM10,650,000.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM6,213,700 untuk emolumen, RM4,125,500.00 untuk perkhidmatan dan bekalan dan RM310,800 untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap. Walau bagaimanapun, sehingga tarikh penutupan akaun awam, peruntukan yang diluluskan telah dipinda kepada RM5,850,000.00 disebabkan sekatan oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM4,800,000.00. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan akaun awam adalah sebanyak RM5,193,631.09 atau 88.78% daripada nilai peruntukan yang telah dipinda.

Di bawah maksud Bekalan (B05), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan sebanyak RM50,622,000.00. Daripada jumlah itu, sebanyak RM21,146,300.00 untuk emolumen, RM29,241,700.00 untuk perkhidmatan dan bekalan, RM156,000.00 untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap dan RM78,000.00 untuk aset. Walau bagaimanapun, sehingga tarikh penutupan akaun awam 2015, peruntukan yang diluluskan telah dipinda kepada RM49,800,632.00 disebabkan sekatan oleh Kementerian Kewangan adalah sebanyak RM821,368.00. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan akaun awam adalah sebanyak RM49,430,000.92 atau 99.26% daripada nilai peruntukan yang telah dipinda.

Urusan Suruhanjaya sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

| BIL. | RA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Permohonan<br>▪ Bilangan Permohonan Diterima | 1,629,813 |
| 2. | Pengambilan<br>▪ Bilangan Urusan Pengambilan | 161 |
| 3. | Pelantikan<br>▪ Bilangan Pelantikan Tetap | 24,606 |
| | ▪ Bilangan Pelantikan Kontrak | 20,687 |
| 4. | Urusan Perkhidmatan<br>▪ Bilangan Pengesahan Pelantikan | 25,587 |
| | ▪ Bilangan Pengesahan Dalam Perkhidmatan | 24,607 |
| | ▪ Bilangan Pelanjutan Tempoh Percubaan | 294 |
| | ▪ Bilangan Pemberian Taraf Berpencen | 24,200 |
| | ▪ Bilangan Kembali ke dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu | 8 |
| | ▪ Bilangan Pembatalan Tawaran Pelantikan | 7 |
| | ▪ Bilangan Penamatan Perkhidmatan | 81 |
| | ▪ Bilangan Pertukaran Perkhidmatan | 96 |
| | ▪ Bilangan Penentuan Gaji Permulaan | 1,795 |
| | ▪ Bilangan Pertukaran Sementara, Peminjaman dan Pertukaran Tetap | 661 |
| | ▪ Bilangan Pelepasan Untuk Peminjaman dan Pertukaran Pelantikan | 151 |
| | ▪ Bilangan Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen | 68 |
| 5. | Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib<br>▪ Bilangan Kenaikan Pangkat | 3 |
| | ▪ Bilangan Rayuan Kenaikan Pangkat | 66 |
| | ▪ Bilangan Tindakan Tatatertib | 68 |
| | ▪ Bilangan Rayuan Tatatertib | 464 |

Mesyuarat Suruhanjaya sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

| BIL. | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat<br>▪ Bilangan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | 42<br>(2,113 kertas) |
| | ▪ Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam | 42<br>(499 kertas) |
| | ▪ Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam | 34<br>(72 kertas) |

# LATAR BELAKANG

## PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia telah ditubuhkan mengikut Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

## TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya bertanggungjawab:

- Melantik.
- Mengesahkan.
- Memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen.
- Menaikkan pangkat.
- Menukar.
- Menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai yang berada dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

## BIDANG KUASA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi:

- Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah Perkara 132(1)(c) Perlembagaan Persekutuan.

- Anggota Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai satu perkhidmatan awam di bawah Perkara 132(1)(f) Perlembagaan Persekutuan.

- Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

## PENUBUHAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB DAN KENAIKAN PANGKAT

Perkara 144 (5B) (i) Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 3(3), *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958* Negeri Perlis dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959* Negeri Sembilan memperuntukkan bahawa semua kuasa dan tugas Suruhanjaya selain daripada kuasa membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja Pemerintah negeri berkenaan.

Selaras dengan peruntukan tersebut, lembaga tatatertib dan lembaga kenaikan pangkat telah ditubuhkan di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan bagi menjalankan sebahagian kuasa dan fungsi Suruhanjaya berhubung kawalan tatatertib dan kenaikan pangkat.

## WAKIL SURUHANJAYA DALAM SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

Selaras dengan Perkara 140(3)(d) Perlembagaan Persekutuan, seorang Ahli Suruhanjaya iaitu Puan Zuraidah binti Amiruddin telah dipilih mewakili Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam Suruhanjaya Pasukan Polis bermula 12 Jun 2015 hingga kini.

## KUASA SURUHANJAYA KE ATAS PERKHIDMATAN AWAM

1. **Negeri Melaka dan Pulau Pinang**
   Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan.

2. **Negeri Sembilan**
   Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959* Negeri Sembilan dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order*, 1961 Negeri Sembilan selaras dengan peruntukan Fasal (2) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan

Negeri Sembilan. Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa meliputi semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan kecuali:

- Pengelola Bijaya Diraja.
- Juruiring kepada Yang di-Pertuan Besar.
- Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Besar.
- Pegawai Kerani kepada Undang.
- Penghulu.

**3. Negeri Perlis**

Selaras dengan peruntukan Fasal (2) Perkara 139, Perlembagaan Persekutuan, kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perlis telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958* Negeri Perlis dan *Public Services Commission (Extended Jurisdiction) Order*, 1960 Negeri Perlis yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis. Di bawah undang-undang ini, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai perkhidmatan awam Negeri Perlis kecuali:

- Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu.
- Pegawai dalam Bahagian IV.
- Penghulu dan Penolong Penghulu.
- Pekerja bergaji hari.

## KUASA SURUHANJAYA YANG DIWAKILKAN

Fasal (6) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan membolehkan Suruhanjaya mewakilkan kuasanya kepada kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri bagi melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen. Setakat ini, perwakilan kuasa yang diberikan adalah seperti berikut:

- Perwakilan kuasa kepada Ketua Setiausaha Negara untuk melantik secara kontrak Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar kepada Menteri dan Timbalan Menteri melalui P.U.(B) 16/1998.
- Perwakilan kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan untuk melantik, mengesah dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen jawatan-jawatan di bawah bidang kuasa perkhidmatan awam Negeri Sembilan melalui P.U.(B) 74/1993.

## PENARIKAN BALIK PERWAKILAN KUASA DI BAWAH P.U.(B) 496/1997

Mulai 1 April 2014, SPA telah menarik semula kuasa yang diwakilkan kepada kementerian/jabatan/agensi sebagaimana dalam Suratcara Perwakilan Kuasa 1997 [P.U.(B) 496/1997]. Semua urusan pelantikan dan perkhidmatan bagi jawatan Gred 16 dan ke bawah dilaksanakan oleh SPA sepenuhnya. SPA bekerjasama dengan kementerian/jabatan untuk mengendalikan tatacara pengambilan bermula daripada proses pengiklanan sehingga proses pengeluaran surat lantikan dengan pemantauan SPA. Walau bagaimanapun, kementerian/jabatan/agensi perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya sebelum tawaran pelantikan kepada calon.

# AHLI-AHLI SURUHANJAYA



## AHLI-AHLI SURUHANJAYA

Ahli Suruhanjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan. Ahli Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli biasa (minimum 4 orang). Pada tahun 2015, Suruhanjaya dianggotai oleh:

### Pengerusi

1. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak

### Ahli-Ahli Suruhanjaya

2. Datuk Mohd Zain bin Mohd Dom
3. Tuan Haji Sumali bin Amat
4. Dato' Mhd. Najri bin Abd Hamid
5. Tuan Haji Mohd Zanudin bin Ahmad Rasidi
6. Dato' Amiruddin bin Alias
7. Puan Zuraidah binti Amiruddin
8. Datuk Ir. Anjin bin Haji Ajik
9. Tuan Haji Onn bin Haji Abdullah
10. Dato' Sri Abd. Shukor bin Ibrahim
11. Dato' Norzam bin Mohd Nor

# URUS SETIA SURUHANJAYA



1. ***Setiausaha***
   Dato' Zainal Abidin bin Ahmad
2. ***Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan)***
   Salmah binti Idris
3. ***Timbalan Setiausaha (Pengambilan)***
   Abdullah bin Tahir
4. ***Setiausaha Bahagian Pengambilan Khas***
   Mohd Shaiful bin Ibrahim
5. ***Setiausaha Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib***
   Shaharuddin bin Abu Sohot
6. ***Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat***
   Yaacob bin Yusof
7. ***Setiausaha Bahagian Peperiksaan***
   Azaman bin Ahmad
8. ***Setiausaha Bahagian Perkhidmatan***
   Mohd Safrie bin Zakaria
9. ***Setiausaha Bahagian Pengambilan***
   Haslina binti Ahmad
10. ***Setiausaha Bahagian Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan***
    Anuar bin Othman
11. ***Setiausaha Bahagian Urus Setia Mesyuarat***
    Shafarin bin Nasuredin
12. ***Setiausaha Bahagian Pengurusan***
    Zaimy bin Shaari
13. ***Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan***
    Dr. Surinasirah binti Pakih
14. ***Setiausaha Bahagian Urus Setia Cawangan Sarawak***
    Matthew Anak Dominic Barin
15. ***Setiausaha Bahagian Urus Setia Cawangan Sabah***
    Farid H. Askali bin Ibrahim
16. ***Pegawai Undang-Undang***
    Noorafiza binti Mat
17. ***Pegawai Perhubungan Awam***
    Radziah binti Mohd Sharif
18. ***Pegawai Integriti***
    Mohd Haziman bin Mahmood

# URUS SETIA SURUHANJAYA

Urus Setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha dengan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Setiausaha, 12 orang Setiausaha Bahagian, seorang Penasihat Undang-Undang, seorang Pegawai Perhubungan Awam serta 455 orang pegawai pelbagai jawatan dan gred. Urus Setia Suruhanjaya terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, Urus Setia Cawangan SPA di Kota Kinabalu bagi Negeri Sabah dan di Kuching bagi Negeri Sarawak.




# FUNGSI BAHAGIAN-BAHAGIAN

## Bahagian Pengambilan

- Menguruskan pengambilan dan pelantikan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 27-40 (kelayakan Diploma/STPM dan ke atas) ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Pulau Pinang, Melaka, Perlis dan Negeri Sembilan.

## Bahagian Pengambilan Khas

- Memproses dan mendaftarkan permohonan calon.
- Menguruskan pemilihan calon memasuki Latihan Separa Perubatan.
- Menguruskan pengambilan dan pelantikan secara tetap Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke bawah ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Pulau Pinang, Melaka, Perlis dan Negeri Sembilan.

## Bahagian Perkhidmatan

Menguruskan urusan-urusan perkhidmatan bagi:

- Pengesahan pelantikan.
- Penetapan gaji permulaan mengikut Peraturan 25 dan 26 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- Pelanjutan tempoh percubaan.
- Pengesahan dalam perkhidmatan.
- Pemberian taraf berpencen.
- Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu.
- Penamatan perkhidmatan.
- Pertukaran perkhidmatan.



LAPORAN TAHUNAN 2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

- Pertukaran pelantikan.
- Pertukaran sementara/peminjaman.
- Pelepasan untuk pertukaran pelantikan/peminjaman.
- Pembatalan tawaran pelantikan.
- Pertukaran tetap.
- Pelanjutan pertukaran sementara/peminjaman.

## Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib

- Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.
- Menguruskan rayuan tatatertib.
- Menguruskan kenaikan pangkat bagi Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.
- Menguruskan rayuan kenaikan pangkat.

## Bahagian Peperiksaan

- Menggubal dan menyediakan soalan peperiksaan dan psikometrik.
- Mengurus bank data soalan ujian aptitud dan psikometrik bagi peperiksaan memasuki perkhidmatan awam.
- Mengurus dan mengendalikan peperiksaan secara *online* bagi peperiksaan memasuki perkhidmatan awam.
- Mengurus dan menyelaras urusan pemeriksaan fizikal, pancaindera dan ujian kecergasan bagi memasuki perkhidmatan awam.
- Menyelaras dan memberi khidmat konsultasi bagi program Pusat Penilaian Kompetensi.

## Bahagian Pengurusan Maklumat

- Membangun dan menyelenggara sistem aplikasi, portal dan multimedia.
- Mentadbir dan mengurus pangkalan data.
- Mentadbir dan mengurus rangkaian dan keselamatan ICT.
- Mentadbir dan mengurus perolehan ICT dan aset ICT.
- Menyediakan latihan dan khidmat pengguna/sokongan teknikal.

## Bahagian Pengurusan

- Menguruskan kewangan dan perolehan jabatan.
- Menguruskan hal ehwal perkhidmatan, pengurusan sumber manusia dan perhubungan awam jabatan.
- Menguruskan aspek pentadbiran am, pengurusan aset dan stor, keselamatan, perpustakaan, penyelenggaraan dan keperluan logistik jabatan.

## Bahagian Urus Setia Mesyuarat

Mengurusetiakan:
- Mesyuarat Suruhanjaya.
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib.
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat.
- Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Mengemaskini *Ruling* SPA.

## Bahagian Dasar dan Perancangan

- Merancang dan menyelaras pelaksanaan pelan strategik yang boleh meningkatkan keberkesanan fungsi SPA.
- Menyelaras isu-isu dasar pengurusan sumber manusia dengan agensi lain sekiranya melibatkan fungsi-fungsi SPA.
- Menjalankan kajian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang melibatkan fungsi-fungsi SPA.
- Menyelaras aturcara urusan mesyuarat Parlimen di Dewan Negara dan Dewan Rakyat berkaitan fungsi SPA.
- Menyelaras penyediaan maklumat dan data Laporan Tahunan SPA.

# PUSAT TEMU DUGA SPA

SPA mempunyai pusat-pusat temu duga di 14 buah negeri untuk melancarkan urusan temu duga dan untuk memberi keselesaan calon. Pusat temu duga ini adalah merupakan *One Stop Centre* yang berkeupayaan untuk menyalurkan maklumat kepada pelanggan seperti pelajar-pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Pusat ini dilengkapi dengan infrastruktur moden, kemudahan dan peralatan bagi jawatan-jawatan yang mensyaratkan lulus ujian fizikal sebelum dipanggil temu duga.

Bagi memberi nilai tambah, pusat temu duga ini turut menjadi pusat rujukan bagi pelanggan dan orang awam mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh SPA. Antaranya, kemudahan permohonan jawatan secara *online* yang diberikan secara percuma. Pusat ini juga berperanan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan panduan yang tepat mengenai jawatan yang bersesuaian berdasarkan kelayakan akademik melalui khidmat nasihat daripada pegawai bertugas. Panduan dan tatacara menghadiri temu duga anjuran SPA juga boleh didapati di pusat temu duga.




**Pusat Temu Duga SPA Alor Setar**
Wisma Persekutuan Alor Setar
Aras 8, Jalan Kampung Baru
05000 Alor Setar, Kedah
Telefon: 04-7304014




**Pusat Temu Duga SPA Ipoh**
Lot No. D-5-10, D-5-11, D-5-12 & D-5-13
Greentown Square, Jalan Dato' Ahmad Said, 30450 Ipoh, Perak
Telefon: 05 -2557410



LAPORAN TAHUNAN
2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA




**Pusat Temu Duga SPA Jalan Cenderasari**
**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia**
Jalan Cenderasari, 50480 Kuala Lumpur
Telefon: 03 -2693 3884




**Ibu Pejabat SPA Putrajaya**
**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia**
Aras 6-10 Blok C7, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62520 Putrajaya
Telefon : 03-88856000




**Pusat Temu Duga SPA Melaka**
Bangunan Jaya 99, Aras 15-2, Jaya 99
Jalan Tun Sri Lanang, 75100 Melaka
Telefon: 06-2277277





**Pusat Temu Duga SPA Johor Bahru**
Lot 8C, Tingkat 8, Menara Ansar
No. 65 Jalan Trus
80000 Johor Bahru,Johor
Telefon: 07 -2211439






**Pusat Temu Duga SPA Kuantan**
Aras 5, Mahkota Square, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang
Telefon: 09 -5144804





**Pusat Temu Duga SPA Kota Bharu**
Tingkat G, 1 & 2, Lot 1211, Jalan Pengkalan Chepa
15400 Kota Bharu, Kelantan
Telefon: 09 -7412360/62



LAPORAN TAHUNAN
2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA





**Pusat Temu Duga SPA Kuching**
Tingkat 3, Bangunan Stallion, Rock Commercial Centre
Batu 1 1/2, Jalan Rock, 93200 Kuching, Sarawak
Telefon: 082 -428873





**Pusat Temu Duga SPA Sibu**
Tingkat Bawah & 1, No. 2 (Lot 9)
Lorong Pedada 20A, Jalan Pedada
96000 Sibu, Sarawak
Telefon: 084 -342346

**Pusat Temu Duga SPA Miri**
Tingkat 1 & 2, Lot 1406 (35),
Centre Point Phase 2
Commercial Centre, Jalan Kubu,
98000 Miri, Sarawak
Telefon: 085- 424862








**Pusat Temu Duga SPA Tawau**
TB 4496, Lot 21, Blok C,
BA ZHONG Commercial Centre
Jalan Tawau Lama, 91000 Tawau, Sabah
Telefon: 089-776236

**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia**
**Urus Setia Cawangan Sabah**
Aras 1, Blok A,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS/Sulaman, Likas,
88450 Kota Kinabalu, Sabah
Telefon : 088-488922




**Pusat Temu Duga SPA Sandakan**
Lot 41 Blok D, Bandar Maju
Batu 1 1/2, Jalan Utara, 90000 Sandakan, Sabah
Telefon: 089-219734

# KAEDAH PENGAMBILAN



## KAEDAH PENGAMBILAN SECARA *MyRECRUITMENT*

Pengambilan Secara *MyRecruitment* merupakan transformasi kaedah pengambilan yang dilaksanakan oleh SPA untuk menambahbaik sistem penilaian bagi memilih calon terbaik memasuki perkhidmatan awam di Malaysia. Melalui pelaksanaan *MyRecruitment* ini, calon yang memohon sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam akan melalui proses penilaian yang holistik dan komprehensif yang merangkumi tapisan awal, ujian aptitud, penilaian kompetensi dan temu duga sebelum dilantik.

Melalui penilaian yang dijalankan, maklumat calon akan diprofilkan berasaskan latar belakang, pencapaian akademik, ciri personaliti, minat kerjaya, sikap, kecerdasan (IQ) dan kompetensi (kemahiran) untuk dijadikan asas penilaian bagi menentukan calon-calon yang sesuai berkhidmat dalam perkhidmatan awam Malaysia.

Dengan hasrat untuk melaksanakan kaedah pengambilan ini secara menyeluruh di kementerian/jabatan/agensi, satu Memorandum Jemaah Menteri telah dibentangkan pada 23 Disember 2009. Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan kaedah pengambilan yang dikenali sebagai *MyRecruitment*. Pelancaran *MyRecruitment* telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2010. Kaedah Pengambilan Secara *MyRecruitment* adalah seperti di **Rajah 1**.




Rajah 1
Kaedah Pengambilan Secara *MyRecruitment*

## Proses Pelaksanaan *MyRecruitment*

Berdasarkan kepada kaedah pengambilan secara *MyRecruitment* ini, calon perlu melalui empat (4) proses saringan sebelum ditawar lantikan iaitu tapisan awal, peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga seperti di **Rajah 1**. Proses saringan dalam *MyRecruitment* dibuat secara berstruktur seperti berikut:

**i) Tapisan Awal**
Calon yang mendaftar secara *online* dengan SPA akan ditapis permohonannya sama ada memenuhi syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon.

**ii) Peperiksaan**
Calon yang telah melepasi tapisan awal dikehendaki menduduki peperiksaan bagi menilai pengetahuan am, pengetahuan bidang yang dipohon, daya menyelesaikan masalah dan kemahiran bahasa. Selain peperiksaan ini, ujian sahsiah dan minat juga diadakan.

**iii) Penilaian Kompetensi**
Calon yang berjaya melepasi tapisan peperiksaan akan melalui sesi ini. Sesi ini

bertujuan mengukur kompetensi calon dari aspek *Attitude-Skill-Knowledge* (ASK) dengan tugas dan jawatan yang dipohon. Calon-calon akan dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau bahasa-bahasa lain yang diperlukan, serta penilaian kompetensi yang diperlukan seperti komitmen, disiplin, *teamwork* dan lain-lain. Ujian fizikal juga dilaksanakan di peringkat ini bagi skim-skim perkhidmatan tertentu.

**iv) Temu Duga**

Sesi ini bertujuan menilai kesesuaian dan perwatakan calon dengan keperluan sesuatu jawatan di agensi tertentu. Sesi ini akan menentu dan mengesahkan penilaian yang dibuat di peringkat sesi penilaian kompetensi.

## PEPERIKSAAN *ONLINE*

Pengendalian peperiksaan di SPA dilaksanakan secara manual sehingga April 2014 yang mana calon-calon perlu hadir di pusat-pusat peperiksaan yang diwujudkan di seluruh negara. Berasaskan kepada keperluan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan selaras dengan konsep 1Malaysia "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan", SPA memperkenalkan peperiksaan *online*. Kaedah pelaksanaan peperiksaan secara *online* ini menggunakan platform *"web based"* di mana calon-calon boleh mengambil peperiksaan di seluruh dunia atau di mana sahaja mereka berada asalkan mempunyai kemudahan internet.




Rajah 2
Sistem Peperiksaan Secara *Online* di SPA

Aplikasi sistem peperiksaan ini boleh dicapai dengan menggunakan peralatan komputer meja, *notebook*, *tablet* dan telefon pintar.

### Objektif

Objektif peperiksaan *online* ini ialah untuk memberi kemudahan yang optimum kepada calon terutamanya dari segi penjimatan kos kewangan dan masa di mana calon tidak perlu hadir ke pusat-pusat peperiksaan yang terletak jauh di bandar-bandar besar. Selain daripada itu, keputusan peperiksaan dapat diumumkan lebih cepat melalui pemprosesan secara komputer sepenuhnya. Sistem peperiksaan secara *online* ini juga menjimatkan kos pengendalian peperiksaan sehingga RM2 juta setahun berbanding kaedah konvensional yang dilaksanakan sebelum ini.

### Jenis Ujian

Komponen penilaian yang digunakan dalam sistem peperiksaan secara *online* ini meliputi ujian aptitud seperti menilai sikap terhadap kenegaraan, pengetahuan am, kesedaran organisasi, pengetahuan bidang kerja dan kebolehan berfikir. Manakala ujian psikometrik pula dapat mengukur aspek personaliti, sikap, minat kerjaya, kompetensi dan lain-lain.

## *COMPETENCY-BASED INTERVIEW* (CBI)

SPA melaksanakan temu duga berdasarkan kaedah *Competency-Based Interview* (CBI) bagi memilih calon-calon yang mempunyai *"right mind set"* untuk melaksanakan tugas sebagai penjawat awam. CBI merupakan kaedah temu duga berasaskan tingkah laku, di mana berdasarkan kaedah ini, cara bagaimana seseorang berfikir dan bertindak bagi melaksanakan tugas yang berkaitan di masa lepas boleh dijadikan sebagai peramal yang baik tentang kemampuan yang boleh ditunjukkannya dalam situasi yang sama di masa hadapan.











Selaras dengan pelaksanaan temu duga berasaskan CBI, SPA telah menetapkan sembilan (9) kompetensi utama sebagai teras set kualiti yang perlu ada pada setiap calon yang memohon untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Sembilan (9) kompetensi ini perlu dinilai bagi memastikan calon yang bakal dilantik mempunyai *"right mind set"* untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai penjawat awam sekiranya dilantik. Kompetensi-kompetensi tersebut adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 1 | CEPAT | Kebolehan/keupayaan untuk memberi tindak balas segera kepada tugasan-tugasan yang diarahkan untuk dilaksanakan. |
| 2 | TEPAT | Mempamerkan ciri-ciri berfikir dan bertindak ke arah menghasilkan kerja yang teratur, betul dan sempurna. |
| 3 | INTEGRITI | Mempamerkan sifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, berpegang kepada prinsip dan tidak mudah dipengaruhi. |
| 4 | PRODUKTIF | Mempamerkan sifat yang bermotivasi, *energetic*, komited dan berorientasikan keputusan. |
| 5 | KREATIF | Menunjukkan daya kreativiti, pemikiran luar kotak, mengadaptasi idea baru dan menerokai alternatif lain. |
| 6 | INOVATIF | Menunjukkan sifat-sifat suka kepada idea-idea baru, kreatif, sedia berubah, berkebolehan mengkaji dan menyelidik. |
| 7 | SETIA | Mempamerkan sifat kepatuhan, keakuran, patriotik, setia, berdisiplin dan penghormatan yang tinggi. |
| 8 | TERBUKA | Mempamerkan ciri-ciri keterbukaan, sifat ingin mencuba dan kesediaan menerima perubahan. |
| 9 | MEMUDAHKAN | Keupayaan untuk memahami emosi orang lain, empati, merasa simpatetik, kebolehan membimbing, menolong, membantu menyelesaikan masalah dan mengambil kira perspektif atau keperluan orang lain. |

Rajah 3
Sembilan (9) Kompetensi Utama

Soalan-soalan yang diajukan kepada calon berdasarkan kaedah CBI ini distrukturkan mengikut prinsip *Situation-Task-Action-Result* (STAR) adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| *Situation* | Menerangkan suatu situasi yang spesifik berkaitan masalah, tugasan atau peristiwa yang telah dilalui. |
| *Task* | Menerangkan apakah bentuk tanggungjawab yang telah dilaksanakan bagi menyelesaikan tugasan atau masalah. |
| *Action* | Menjelaskan apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi atau menyelesaikan sesuatu perkara itu. |
| *Result* | Menjelaskan apakah pencapaian atau bentuk pencapaian yang telah diperolehi daripada peristiwa atau pengalaman tersebut. |

Rajah 4
Reka Bentuk Soalan Temu Duga Berasaskan Prinsip S.T.A.R

# URUSAN PELANTIKAN

## PENGENALAN

Pelantikan anggota perkhidmatan awam merupakan salah satu daripada enam (6) fungsi Suruhanjaya. Ia merangkumi pelantikan tetap, sementara atau kontrak yang melibatkan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Suruhanjaya melaksanakan urusan pelantikan melalui Sistem Mengambil Sepanjang Masa (eSMSM). Di bawah sistem ini, calon-calon boleh mendaftarkan permohonan mereka pada bila-bila masa sepanjang tahun tanpa menunggu iklan perjawatan disiarkan. Calon-calon ini akan disenarai pendek mengikut syarat asas yang ditetapkan dalam sesuatu skim perkhidmatan. Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan berdasarkan permohonan pengisian jawatan yang diterima daripada kementerian/jabatan/agensi melalui sistem e-pengisian.

Pada 22 April 2015, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan arahan berkaitan Inisiatif Penggunaan Sumber Manusia Secara Optimum yang bertujuan bagi mengawal jumlah perjawatan dan pengisian sektor awam. Arahan ini telah memberi implikasi terhadap jumlah pelantikan oleh SPA.

Pada tahun 2015, jumlah permohonan yang diterima oleh SPA adalah sebanyak 1,629,813 permohonan. Daripada jumlah tersebut, seramai 245,143 (15.04%) calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga. Daripada jumlah yang layak dipanggil temu duga, seramai 157,102 (64.08%) calon telah menghadiri temu duga dan daripada jumlah ini seramai 45,293 (28.83%) calon telah dilantik. Seramai 24,606 ditawarkan pelantikan secara tetap, manakala 20,687 calon telah dilantik secara kontrak. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 1**, **Jadual 2**, **Carta 1** dan **Carta 2**. Jumlah pelantikan tetap mengikut skim perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya bagi tahun 2015 pula adalah seperti di **Lampiran A**.

JADUAL 1
PERMOHONAN JAWATAN MELALUI SISTEM MENGAMBIL SEPANJANG MASA (eSMSM) BAGI TAHUN 2014-2015

| TAHUN | BILANGAN PERMOHONAN |
|---|---|
| 2014 | 1,588,252 |
| 2015 | 1,629,813 |

JADUAL 2
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON PELANTIKAN TETAP DAN KONTRAK BAGI TAHUN 2014-2015

| TAHUN | STATUS LANTIKAN | JUMLAH PERMOHONAN | BILANGAN CALON DIPANGGIL TEMU DUGA | BILANGAN CALON HADIR TEMU DUGA | BILANGAN PELANTIKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 2014 | Lantikan Tetap | 1,588,252 | 232,206 | 164,459 | 37,707 |
| | Lantikan Kontrak | - | - | - | 16,993 |
| | **JUMLAH** | **1,588,252** | **232,206** | **164,459** | **54,700** |
| 2015 | Lantikan Tetap | 1,629,813 | 245,143 | 157,102 | 24,606* |
| | Lantikan Kontrak | - | - | - | 20,687# |
| | **JUMLAH** | **1,629,813** | **245,143** | **157,102** | **45,293** |

Nota : * Mulai tahun 2015, calon latihan separa perubatan tidak termasuk dalam jumlah lantikan tetap.
# Urusan permohonan dan temu duga bagi lantikan kontrak dilaksanakan oleh kementerian/jabatan/agensi masing-masing.

CARTA 1
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON DILANTIK BAGI TAHUN 2014-2015




| | Bilangan Permohonan | Bilangan Calon Dipanggil Temu Duga | Bilangan Calon Hadir Temu Duga | Bilangan Calon Dilantik |
|---|---|---|---|---|
| 2014 | 1,588,252 | 232,206 | 164,459 | 54,700 |
| 2015 | 1,629,813 | 245,143 | 157,102 | 45,293 |

CARTA 2
PERATUS PELANTIKAN TETAP DAN KONTRAK BAGI TAHUN 2015




# PELANTIKAN TETAP

Sejumlah 161 urusan pengambilan (seperti di **Lampiran A**) telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pada tahun 2015. Urusan ini merangkumi pengambilan dari pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di kementerian/jabatan/agensi serta pentadbiran negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

**a) Pelantikan Tetap Mengikut Kumpulan Jawatan**

Bilangan pelantikan tetap pada tahun 2015 ialah seramai 24,606 calon. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,526 (26.52%) calon adalah bagi jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 7,701 (31.30%) calon bagi Kumpulan Pelaksana Gred 27-40 dan 10,379 (42.18%) calon bagi Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke bawah. Maklumat bilangan pelantikan tetap adalah seperti di **Jadual 3**.





JADUAL 3
BILANGAN PELANTIKAN TETAP MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2014 - 2015

| STATUS LANTIKAN | KUMPULAN JAWATAN | BILANGAN PELANTIKAN 2014 | BILANGAN PELANTIKAN 2015 |
|---|---|---|---|
| Lantikan Tetap | Pengurusan dan Profesional | 10,210 | 6,526 |
| | Kumpulan Pelaksana Gred 27-40 | 9,696 | 7,701 |
| | Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke bawah | 17,801 | 10,379 |
| | **JUMLAH** | **37,707** | **24,606** |

Nota : Termasuk Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke bawah

CARTA 3
PERATUS PELANTIKAN TETAP MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2015




**b) Pelantikan Tetap Mengikut Kaum**

Selaras dengan dasar kerajaan yang menggalakkan penyertaan pelbagai kaum dalam perkhidmatan awam, Suruhanjaya telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan kaum bukan Bumiputera untuk berkhidmat dalam sektor awam. Antara langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya adalah seperti berikut:

i. Mengadakan sesi *engagement* dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Cina dan India.
ii. Memperbanyakkan kerjasama dengan media Cina dan India untuk mempromosikan peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam di kalangan masyarakat Cina dan India.
iii. Mengadakan taklimat kerjaya khusus kepada pelajar-pelajar sekolah jenis kebangsaan Cina/Tamil dan IPTA/IPTS.
iv. Menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam Portal SPA.

Pada tahun 2015, sebanyak 1,629,813 permohonan bagi lantikan tetap yang telah diterima, 1,297,450 (79.61%) permohonan adalah daripada kaum Melayu, 26,897 (1.65%) permohonan daripada kaum Cina, 56,338 (3.46%) permohonan daripada kaum India manakala sebanyak 124,834 (7.66%) permohonan daripada Bumiputera Sabah dan 91,503 (5.61%) permohonan daripada Bumiputera Sarawak, 3,540 (0.22%) permohonan daripada Orang Asli Semenanjung dan 29,251 (1.79%) permohonan daripada lain-lain kaum seperti Portugis, Siam dan lain-lain.

Daripada jumlah permohonan di atas seramai 24,606 orang telah dilantik. Daripada jumlah tersebut, pelantikan 19,084 (77.56%) calon adalah daripada kaum Melayu, 1,184 (4.81%) calon daripada kaum Cina, 963 (3.91%) calon daripada kaum India manakala sebanyak 1,607 (6.53%) permohonan daripada Bumiputera Sabah dan 1,214 (4.93%) permohonan daripada Bumiputera

Sarawak, 174 (0.71%) calon daripada Orang Asli Semenanjung dan 380 (1.54%) daripada lain-lain kaum. Maklumat permohonan dan pelantikan tetap mengikut kaum adalah seperti **Jadual 4**.

JADUAL 4
BILANGAN PERMOHONAN DAN PELANTIKAN TETAP MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2014 - 2015

| BIL. | KAUM | 2014 | | 2015 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | BILANGAN PERMOHONAN | BILANGAN PELANTIKAN | BILANGAN PERMOHONAN | BILANGAN PELANTIKAN |
| 1. | Melayu | 1,265,543 | 28,268 | 1,297,450 | 19,084 |
| 2. | Cina | 33,009 | 2,545 | 26,897 | 1,184 |
| 3. | India | 59,355 | 1,963 | 56,338 | 963 |
| 4. | Bumiputera Sabah | 123,374 | 2,294 | 124,834 | 1,607 |
| 5. | Bumiputera Sarawak | 90,857 | 1,826 | 91,503 | 1,214 |
| 6. | Orang Asli Semenanjung | 3,124 | 228 | 3,540 | 174 |
| 7. | * Lain-Lain | 29,983 | 583 | 29,251 | 380 |
| **JUMLAH** | | **1,605,245** | **37,707** | **1,629,813** | **24,606** |

Nota : * Lain-lain kaum adalah seperti Portugis, Siam dan lain-lain.

**c) Pelantikan Calon Orang Kurang Upaya (OKU)**

Kerajaan telah menetapkan dasar penyertaan satu peratus (1%) golongan OKU dalam perkhidmatan awam. Bagi calon OKU, Suruhanjaya telah memberikan keistimewaan iaitu tiada kriteria tambahan yang dikenakan ke atas mereka sebelum dipanggil temu duga dan pengecualian daripada menduduki peperiksaan khas bagi calon yang cacat penglihatan.

Sepanjang tahun 2015, Suruhanjaya telah melantik seramai 73 calon OKU bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan calon OKU, ditemu duga dan dilantik adalah seperti di **Jadual 5**.

JADUAL 5
BILANGAN PERMOHONAN CALON OKU, DITEMU DUGA DAN DILANTIK BAGI TAHUN 2014 - 2015

| BIL | KUMPULAN JAWATAN | PERMOHONAN | PANGGIL TEMU DUGA | HADIR TEMU DUGA | TAWARAN PELANTIKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 2014 | Pengurusan dan Profesional | 839 | 139 | 127 | 7 |
| | Kumpulan Pelaksana Gred 27-40 | 1,208 | 136 | 117 | 17 |
| | Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke bawah | 5,145 | 551 | 370 | 83 |
| | **JUMLAH** | **7,192** | **826** | **614** | **107** |
| 2015 | Pengurusan dan Profesional | 583 | 44 | 37 | 5 |
| | Kumpulan Pelaksana Gred 27-40 | 1,546 | 236 | 187 | 14 |
| | Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke bawah | 5,387 | 523 | 290 | 54 |
| | **JUMLAH** | **7,516** | **803** | **514** | **73** |



LAPORAN TAHUNAN 2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Berdasarkan jumlah tersebut, calon-calon OKU berdaftar yang dilantik ke Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana adalah terdiri daripada 55 calon ketidakupayaan fizikal, dua (2) calon kurang upaya mental, empat (4) calon kurang upaya pelbagai, dua (2) calon kurang upaya pendengaran, lapan (8) calon kurang upaya penglihatan, satu (1) calon kurang upaya pertuturan dan satu (1) calon masalah pembelajaran.

Maklumat keseluruhan pelantikan calon OKU berdasarkan kategori ketidakupayaan adalah seperti di **Jadual 6**.

JADUAL 6
BILANGAN PELANTIKAN BERDASARKAN KATEGORI KETIDAKUPAYAAN
BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL | KETIDAKUPAYAAN | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Kurang Upaya Fizikal | 86 | 55 |
| 2. | Kurang Upaya Mental | 2 | 2 |
| 3. | Kurang Upaya Pelbagai | 2 | 4 |
| 4. | Kurang Upaya Pendengaran | 7 | 2 |
| 5. | Kurang Upaya Penglihatan | 6 | 8 |
| 6. | Kurang Upaya Pertuturan | 3 | 1 |
| 7. | Masalah Pembelajaran | 1 | 1 |
| **JUMLAH** | | **107** | **73** |

## PELANTIKAN KONTRAK

Selain pelantikan tetap, SPA juga turut membuat pelantikan secara kontrak seramai 20,687. Jumlah pelantikan kontrak mengikut kumpulan jawatan adalah seperti di **Jadual 7** dan bilangan pelantikan kontrak mengikut kaum seperti **Jadual 8**.

JADUAL 7
BILANGAN PELANTIKAN KONTRAK BAGI TAHUN 2014-2015

| STATUS LANTIKAN | KUMPULAN JAWATAN | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| Lantikan Kontrak | Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 27-40 | 5,572 | 6,716 |
| | Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke bawah | 11,421 | 13,971 |
| | **JUMLAH** | **16,993** | **20,687** |

JADUAL 8
BILANGAN PELANTIKAN KONTRAK MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2014 - 2015

| BIL. | KAUM | 2014 BILANGAN PELANTIKAN | 2015 BILANGAN PELANTIKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Melayu | 12,768 | 16,500 |
| 2. | Cina | 168 | 196 |
| 3. | India | 231 | 135 |
| 4. | Bumiputera Sabah | 1,347 | 2,152 |
| 5. | Bumiputera Sarawak | 2,175 | 1,612 |
| 6. | * Lain-Lain | 304 | 92 |
| JUMLAH | | 16,993 | 20,687 |

**a) Pelantikan dan Pelantikan Semula Secara Kontrak**

Pada tahun 2015, daripada jumlah pelantikan kontrak seramai 20,687 orang, Suruhanjaya telah melantik seramai 4,514 orang untuk lantikan pertama. Manakala seramai 16,173 orang pula telah dilantik semula secara kontrak.

Peratusan pelantikan pertama dan pelantikan semula secara kontrak Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 4**.

CARTA 4
PERATUS PELANTIKAN PERTAMA DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA BAGI TAHUN 2015




**b) Pelantikan dan Pelantikan Semula Secara Kontrak Pegawai Perubatan Dan Pegawai Pergigian Bukan Warganegara**

Bagi mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian, Suruhanjaya juga telah melantik secara kontrak calon bukan warganegara untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah melantik seramai 152 orang Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian Bukan Warganegara secara kontrak seperti di **Jadual 9**.

JADUAL 9
PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK
PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN BUKAN WARGANEGARA BAGI TAHUN 2014-2015

| TAHUN | PEGAWAI PERUBATAN | | PEGAWAI PERGIGIAN | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| | PELANTIKAN | PELANTIKAN SEMULA | PELANTIKAN | PELANTIKAN SEMULA | |
| 2014 | 56 | 135 | 7 | 4 | 202 |
| 2015 | 50 | 98 | 2 | 2 | 152 |





# PEMILIHAN DAN PELANTIKAN SEPARA PERUBATAN

**a) Pemilihan Latihan Separa Perubatan**

Pada tahun 2015, Suruhanjaya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia telah menemu duga seramai 49,470 calon bagi mengikuti Latihan Separa Perubatan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 6,264 calon telah dipilih untuk mengikuti 13 jenis latihan pada peringkat sijil dan diploma dalam tahun 2015. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan, calon dipanggil temu duga, hadir temu duga dan bilangan calon mengikuti Latihan Separa Perubatan adalah seperti di **Jadual 10** dan **Jadual 11**.

JADUAL 10
URUSAN PEMILIHAN PELATIH SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2014-2015

| TAHUN | TARAF LATIHAN | PERMOHONAN | BILANGAN CALON DIPANGGIL TEMU DUGA | BILANGAN CALON HADIR TEMU DUGA | BILANGAN TAWARAN PELATIH |
|---|---|---|---|---|---|
| 2014 | Diploma | 657,054 | 48,660 | 31,599 | 5,114 |
| | Sijil | 334,556 | 5,866 | 2,263 | 472 |
| | JUMLAH | 991,610 | 54,526 | 33,862 | 5,586 |
| 2015 | Diploma | 1,873,868 | 54,051 | 45,839 | 5,321 |
| | Sijil | 1,454,563 | 11,647 | 3,631 | 943 |
| | JUMLAH | 3,328,431 | 65,698 | 49,470 | 6,264 |

JADUAL 11
PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL. | JAWATAN BERTARAF DIPLOMA | TAHUN 2014 | TAHUN 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Juru X-Ray Gred U29 | 59 | 107 |
| 2. | Jurupulih Perubatan (Anggota) Gred U29 | 84 | 94 |
| 3. | Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) Gred U29 | 85 | 95 |
| 4. | Jururawat Gred U29 | 2,480 | 2,817 |
| 5. | Jururawat Pergigian Gred U29 | 115 | 81 |
| 6. | Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29 | 18 3 | 176 |
| 7. | Juruteknologi Pergigian Gred U29 | 55 | 65 |
| 8. | Penolong Pegawai Farmasi Gred U29 | 176 | 238 |
| 9. | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 | 325 | 260 |
| 10. | Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 | 1,252 | 1,688 |
| | JAWATAN BERTARAF SIJIL | | |
| 11. | Jururawat Masyarakat Gred U19 | 300 | - |
| 12. | Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 | 242 | 208 |
| 13. | Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17 | 230 | 435 |
| | JUMLAH | 5,586 | 6,264 |

**b) Pelantikan ke Jawatan Separa Perubatan**

Pada tahun 2015, seramai 7,207 calon yang telah tamat kursus dengan jayanya dilantik ke jawatan Separa Perubatan. Butiran terperinci seperti di **Jadual 12**.

JADUAL 12
PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL. | JAWATAN BERTARAF DIPLOMA | TAHUN | |
|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2015 |
| 1. | Juru X-Ray Gred U29 | 97 | 52 |
| 2. | Jurupulih Perubatan Anggota Gred U29 | 191 | 48 |
| 3. | Jurupulih Perubatan Cara Kerja Gred U29 | 189 | 51 |
| 4. | Jururawat Gred U29 | 4,871 | 4,034 |
| 5. | Jururawat Pergigian Gred U29 | 89 | 125 |
| 6. | Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29 | 361 | 119 |
| 7. | Juruteknologi Pergigian Gred U29 | 48 | 47 |
| 8. | Penolong Pegawai Farmasi Gred U29 | 176 | 131 |
| 9. | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 | 220 | 248 |
| 10. | Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 | 820 | 1335 |
| **JAWATAN BERTARAF SIJIL** | | | |
| 11. | Jururawat Masyarakat Gred U19 | 1,913 | 511 |
| 12. | Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17 | 201 | 251 |
| 13. | Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 | 343 | 255 |
| **JUMLAH** | | **9,519** | **7,207** |

* Jumlah pelantikan separa perubatan turut dimasukkan dalam jumlah lantikan tetap.

## PEGAWAI PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan dan kecekapan urusan pengambilan bagi jawatan-jawatan kritikal, Suruhanjaya telah melaksanakan Temu Duga Secara Temu Janji dan Temu Duga Pelajar Tahun Akhir.

**a) Temu Duga Secara Temu janji**

Kaedah Temu Duga Secara Temujanji telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2015 khususnya bagi pengambilan calon warganegara berkelulusan luar negara untuk jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi. Di bawah kaedah ini, lulusan tiga (3) bidang kritikal ini boleh menetapkan temu janji untuk mereka ditemu duga oleh Suruhanjaya. Statistik urusan pelantikan tiga (3) bidang kritikal tersebut seperti di **Jadual 13**.





JADUAL 13
PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN TEMU DUGA SECARA TEMUJANJI BAGI TAHUN 2014-2015

| TAHUN | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PEGAWAI PERUBATAN | PEGAWAI PERGIGIAN | PEGAWAI FARMASI | |
| 2014 | 1,761 | 280 | 215 | **2,256** |
| 2015 | 1,343 | 181 | 152 | **1,676** |

**b) Temu Duga Pelajar Tahun Akhir**

Pelajar tahun akhir di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, khususnya pelajar bidang perubatan, pergigian dan farmasi ditemu duga bagi mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia. Pecahan urusan yang telah dijalankan menerusi kaedah ini seperti di **Jadual 14**.

JADUAL 14
PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN TEMU DUGA PELAJAR TAHUN AKHIR BAGI TAHUN 2014-2015

| TAHUN | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PEGAWAI PERUBATAN | PEGAWAI PERGIGIAN | PEGAWAI FARMASI | |
| 2014 | 2,285 | 480 | 1,058 | **4,423** |
| 2015 | 2,277 | 137 | 30 | **2,444** |

## PELANTIKAN PELAJAR CEMERLANG

Dalam usaha kerajaan mendapatkan pelajar-pelajar cemerlang untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam, Suruhanjaya telah melantik 41 calon pemegang Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dan calon yang memiliki CGPA 3.85 ke atas, 23 calon memiliki Ijazah Sarjana (3.85-4.00), 15 calon memiliki Doktor Falsafah (PhD) dan empat (4) calon berkelulusan daripada universiti terkemuka dunia. Maklumat lanjut bilangan pelantikan pelajar cemerlang pada tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 15**.

JADUAL 15
BILANGAN PELANTIKAN PELAJAR CEMERLANG BAGI TAHUN 2015

| BIL. | KELAYAKAN | 2015 |
|---|---|---|
| 1. | Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dan CGPA 3.85 ke atas. | 41 |
| 2. | Ijazah Sarjana (3.85-4.00) | 23 |
| 3. | Ijazah Doktor Falsafah (PhD) | 15 |
| 4. | Lulusan universiti terkemuka dunia (*Ivy League University dan setaraf*) | 4 |
| **JUMLAH** | | **83** |

## PELANTIKAN SECARA *MULTIPLE ENTRY*

### a) Pelantikan Tetap Secara *Multiple Entry* di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah melantik seramai tiga (3) calon pegawai perubatan melalui kaedah *multiple entry*. Suruhanjaya membuat pelantikan secara *multiple entry* berdasarkan permohonan-permohonan yang diterima daripada KKM untuk mengisi kekosongan sedia ada. Kriteria pemilihan calon-calon tersebut adalah berdasarkan kelayakan, pengalaman dan keistimewaan yang dimiliki oleh calon setelah mendapat perakuan daripada kementerian. Maklumat bilangan pelantikan tetap secara *multiple entry* mengikut skim perkhidmatan dan gred adalah seperti di **Jadual 16**.

JADUAL 16
BILANGAN PELANTIKAN TETAP SECARA *MULTIPLE ENTRY* MENGIKUT SKIM DAN GRED BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL | SKIM | GRED | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD43 | 3 | - |
| 2. | Pegawai Perubatan | UD47 | 5 | - |
| 3. | Pegawai Perubatan | UD51 | 1 | 2 |
| 4. | Pegawai Perubatan | UD53 | 7 | - |
| 5. | Pegawai Perubatan | Jusa C | - | 1 |
| **JUMLAH** | | | **16** | **3** |

### b) Pelantikan Kontrak Secara *Multiple Entry* di Kementerian Kesihatan Malaysia

Suruhanjaya turut membuat pelantikan kontrak secara *multiple entry* seramai 152 calon bagi pelantikan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia. Penentuan gred lantikan adalah berdasarkan kelayakan dan pengalaman pegawai yang dilantik. Maklumat bilangan pelantikan kontrak secara *multiple entry* adalah seperti di **Jadual 17** dan **18**.

JADUAL 17
BILANGAN PELANTIKAN PEGAWAI PERUBATAN SECARA KONTRAK DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENGIKUT SKIM DAN GRED BAGI TAHUN 2015

| BIL. | SKIM | GRED | PELANTIKAN BARU | | PELANTIKAN SEMULA | | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | WARGANEGARA | BUKAN WARGANEGARA | WARGANEGARA | BUKAN WARGANEGARA | |
| 1. | Pegawai Perubatan | JUSA | 3 | - | 14 | 4 | 21 |
| 2. | Pegawai Perubatan | UD 53 | 2 | - | 4 | 13 | 19 |
| 3. | Pegawai Perubatan | UD 51 | 6 | 2 | 3 | 7 | 18 |
| 4. | Pegawai Perubatan | UD 47 | - | - | 14 | 8 | 22 |
| 5. | Pegawai Perubatan | UD 43 | 7 | 2 | 4 | 7 | 20 |
| 6. | Pegawai Perubatan | UD 41 | 16 | 1 | 14 | 17 | 48 |
| **JUMLAH** | | | **34** | **5** | **53** | **56** | **148** |
| | | | **39** | | **109** | | |





JADUAL 18
BILANGAN PELANTIKAN PEGAWAI PERGIGIAN SECARA KONTRAK DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENGIKUT SKIM DAN GRED BAGI TAHUN 2015

| BIL | SKIM | GRED | PELANTIKAN BARU | | PELANTIKAN SEMULA | | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | WARGANEGARA | BUKAN WARGANEGARA | WARGANEGARA | BUKAN WARGANEGARA | |
| 1. | Pegawai Pergigian | JUSA | - | - | 2 | - | 2 |
| 2. | Pegawai Pergigian | U 53 | - | - | 1 | - | 1 |
| 3. | Pegawai Pergigian | U 51 | - | - | - | - | - |
| 4. | Pegawai Pergigian | U 47 | - | - | - | - | - |
| 5. | Pegawai Pergigian | U 43 | - | - | - | - | - |
| 6. | Pegawai Pergigian | U 41 | - | 1 | - | - | 1 |
| **JUMLAH** | | | **-** | **1** | **3** | **-** | **4** |
| | | | **1** | | **3** | | |

## PELANTIKAN KE JAWATAN KHAS

Dalam melaksanakan Fungsi Suruhanjaya di bawah Fasal (3) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, SPA telah menguruskan pelantikan (termasuk pelantikan kontrak) bagi 26 jawatan-jawatan khas pada tahun 2015 seperti berikut:

a) Ketua Pengarah Kerja Raya.
b) Duta Besar Malaysia ke Chile.
c) Duta Besar Malaysia ke Indonesia.
d) Duta Besar Malaysia ke Oman.
e) Duta Besar Malaysia ke Finland.
f) Duta Besar Malaysia ke Perancis.
g) Duta Besar Malaysia ke Poland.
h) Duta Besar Malaysia ke Romania.
i) Duta Besar Malaysia ke Sweden.
j) Duta Besar Malaysia ke Timor Leste.
k) Duta Besar Malaysia ke Vietnam.
l) Duta Besar Malaysia ke Austria.
m) Duta Besar Malaysia ke Itali.
n) Duta Besar Malaysia ke Korea Utara.
o) Duta Besar Malaysia ke Kuwait.
p) Duta Besar Malaysia ke Mexico.
q) Duta Besar Malaysia ke Jerman.
r) Duta Besar Malaysia ke Belanda.
s) Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi.
t) Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom.
u) Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Afrika Selatan.
v) Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei.
w) Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh.
x) Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura.
y) Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Sri Lanka.
z) Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada.

## PENCAPAIAN PELAKSANAAN *MyRECRUITMENT* SEHINGGA 31 DISEMBER 2015

SPA merancang di antara tahun 2010 hingga 2015 untuk melaksanakan urusan pengambilan berasaskan *Recruitment Profiling Model* kepada 109 skim perkhidmatan. Walau bagaimana pun, sehingga 31 Disember 2015, urusan pengambilan secara *profiling* ini hanya dilaksanakan bagi 71 skim perkhidmatan memandangkan terdapat implikasi kewangan. Senarai skim perkhidmatan yang terlibat seperti berikut di **Jadual 19**.

JADUAL 19
SENARAI SKIM JAWATAN YANG MELAKSANAKAN URUSAN PENGAMBILAN BERASASKAN *RECRUITMENT PROFILING MODEL* BAGI TAHUN 2010-2015

| BIL. | NAMA JAWATAN | GRED | KEMENTERIAN/JABATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Anti Dadah | S41 | Agensi Anti Dadah Kebangsaan |
| 2. | Leftenan Muda Maritim | XA13 | Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia |
| 3. | Bintara Muda Maritim | XA5 | Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia |
| 4. | Laskar Kelas II Maritim | XA1 | Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia |
| 5. | Akauntan | W41 | Jabatan Akauntan Negara |
| 6. | Penguasa Bomba | KB41 | Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia |
| 7. | Penolong Penguasa Bomba | KB29 | Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia |
| 8. | Pegawai Bomba | KB17 | Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia |
| 9. | Pegawai Hal Ehwal Islam | S41 | Jabatan Hal Ehwal Islam Malaysia |
| 10. | Penguasa Kastam | W41 | Jabatan Kastam |
| 11. | Pegawai Pembangunan Masyarakat | S41 | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| 12. | Pegawai Kawalan Trafik Udara | A41 | Jabatan Penerbangan Awam |
| 13. | Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara | A29 | Jabatan Penerbangan Awam |
| 14. | Pegawai Penguatkuasa | N41 | Jabatan Pengangkutan Jalan |
| 15. | Penolong Pegawai Penguatkuasa | N27 | Jabatan Pengangkutan Jalan |
| 16. | Pembantu Penguatkuasa | N17 | Jabatan Pengangkutan Jalan<br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) |
| 17. | Penguasa Penjara | KX41 | Jabatan Penjara |
| 18. | Penolong Penguasa Penjara | KX27 | Jabatan Penjara |
| 19. | Pegawai Penjara | KX17 | Jabatan Penjara |
| 20. | Perangkawan | E41 | Jabatan Perangkaan |
| 21. | Pegawai Keselamatan | KP41 | Jabatan Perdana Menteri |
| 22. | Penolong Pegawai Keselamatan | KP27 | Jabatan Perdana Menteri |
| 23. | Pembantu Keselamatan | KP17 | Jabatan Perdana Menteri |
| 24. | Pegawai Tadbir dan Diplomatik | M41 | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| 25. | Pegawai Pertahanan Awam | KP41 | Jabatan Pertahanan Awam |
| 26. | Penolong Pegawai Pertahanan Awam | KP27 | Jabatan Pertahanan Awam |
| 27. | Pegawai Belia dan Sukan | S41 | Kementerian Belia dan Sukan |
| 28. | Penolong Pegawai Belia dan Sukan | S27 | Kementerian Belia dan Sukan |
| 29. | Latihan Jurupulih Anggota | U29 | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 30. | Latihan Jurupulih Cara kerja | U29 | Kementerian Kesihatan Malasyia |
| 31. | Latihan Jururawat | U29 | Kementerian Kesihatan malaysia |
| 32. | Latihan Juururawat Pergigian | U29 | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 33. | Latihan Juruteknologi Makmal | U29 | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 34. | Latihan Juruteknologi Pergigian | U29 | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 35. | Latihan Juru X-Ray | U29 | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 36. | Latihan Penolong Pegawai Farmasi | U29 | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 37. | Latihan Penolong Pegawai Persekitaran | U29 | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 38. | Latihan Penolong Pegawai Perubatan | U29 | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 39. | Pegawai Penerangan | S41 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |





| BIL. | NAMA JAWATAN | GRED | KEMENTERIAN/JABATAN |
|---|---|---|---|
| 40. | Penerbit Rancangan | B41 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 41. | Penerbit Rancangan | B27 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 42. | Penerbit Rancangan | B17 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 43. | Pegawai Kebudayaan | B41 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 44. | Pereka | B41 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 45. | Pereka | B27 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 46. | Pereka | B17 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 47. | Ahli Fotografi | B27 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 48. | Ahli Fotografi | B17 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 49. | Artis Budaya | B27 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 50. | Artis Budaya | B17 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 51. | Pegawai Kebudayaan | B27 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 52. | Pegawai Kebudayaan | B17 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 53. | Ahli Muzik | B41 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 54. | Ahli Muzik | B27 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 55. | Ahli Muzik | B17 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 56. | Jurusolek | B17 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |
| 57. | Pegawai Teknologi Maklumat | F41 | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| 58. | Pegawai Penerangan | S41 | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 59. | Pegawai Pembangunan Masyarakat | S41 | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 60. | Penguasa Imigresen | KP41 | Jabatan Imigresen Malaysia |
| 61. | Penolong Penguasa Imigresen | KP27 | Jabatan Imigresen Malaysia |
| 62. | Penerbit Rancangan | B41 | Jabatan Penyiaran Malaysia |
| 63. | Penolong Juruaudit | W27 | Jabatan Audit Negara |
| 64. | Penolong Akauntan | W27 | Jabatan Akauntan Negara |
| 65. | Jurubahasa | L17 | Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan |
| 66. | Pembantu Pertahanan Awam | KP17 | Jabatan Pertahanan Awam Malaysia |
| 67. | Pembantu Kesatria | S17 | Kementerian Belia dan Sukan |
| 68. | Pengawal Keselamatan | KP11 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 69. | Pemandu Kenderaan | H11 | Jabatan Taman Laut Malaysia<br>Suruhanjaya Pilihan Raya<br>Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran<br>Jabatan Perangkaan Malaysia<br>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia<br>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang<br>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan<br>Jabatan Perdana Menteri<br>Pelbagai Kementerian dan Jabatan |
| 70. | Pegawai Imigresen | KP17 | Jabatan Imigresen Malaysia |
| 71. | Juruaudio Visual | N17 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia |

# URUSAN PEPERIKSAAN, PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PENILAIAN KOMPETENSI

Oleh kerana bilangan calon terlalu ramai yang memohon bagi mengisi kekosongan sesuatu jawatan, SPA telah menggunakan instrumen penilaian awal bagi menapis calon-calon untuk di panggil ke peringkat temu duga. Di antara instrumen yang digunakan adalah peperiksaan, dan penilaian psikometrik, pemeriksaan fizikal dan penilaian kompetensi.

Pada tahun 2015, sebanyak 14 urusan peperiksaan, 10 urusan pemeriksaan fizikal dan pancaindera serta lapan (8) urusan penilaian kompetensi telah dikendalikan. Butiran urusan adalah seperti **Jadual 20**, **21** dan **22**.

JADUAL 20
STATISTIK URUSAN PEPERIKSAAN

| BIL. | JAWATAN | TARIKH | JUMLAH CALON | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | DIPANGGIL PEPERIKSAAN | HADIR PEPERIKSAAN | LULUS PEPERIKSAAN |
| 1. | Perangkawan Gred E41 | 6 Februari 2015 | 2,704 | 1,917 | 862 |
| 2. | Pegawai Psikologi Gred S41 (KKM) | 25 Mac 2015 | 3,630 | 2,662 | 862 |
| 3. | Pembantu Tadbir (Perkeranian Dan Operasi) Gred N17 -Semenanjung | 3 April 2015 | 51,072 | 24,921 | 14,294 |
| 4. | Pembantu Tadbir (Perkeranian Dan Operasi) Gred N17 -Sabah | 3 April 2015 | 1,533 | 670 | 576 |
| 5. | Pembantu Tadbir (Perkeranian Dan Operasi) Gred N17 -Sarawak | 3 April 2015 | 1,445 | 629 | 512 |
| 6. | Penolong Pegawai Penerangan Gred S27 | 15 April 2015 | 11,624 | 7,908 | 1,812 |
| 7. | Pereka Gred B17 -Semenanjung | 29 Julai 2015 | 1,007 | 303 | 303 |
| 8. | Pereka Gred B17 -Sabah | 29 Julai 2015 | 575 | 239 | 239 |
| 9. | Pereka Gred B41 | 29 Julai 2015 | 1,457 | 984 | 984 |
| 10. | Jurufotografi Gred B27 | 29 Julai 2015 | 516 | 291 | 291 |
| 11. | Latihan Separa Perubatan Bertaraf Diploma | 14 September 2015 | 45,922 | 13,497 | 8,091 |
| 13. | Latihan Separa Perubatan Bertaraf Diploma -Sarawak | 14 September 2015 | 3,644 | 2,006 | 1,503 |
| 14. | Penolong Akauntan Gred W27 | 29 Oktober 2015 | 21,422 | 12,775 | 2,702 |



LAPORAN TAHUNAN 2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

JADUAL 21
STATISTIK URUSAN PEMERIKSAAN FIZIKAL, PANCAINDERA DAN UJIAN KECERGASAN

| BIL. | JAWATAN | TARIKH | JUMLAH CALON | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | DIPANGGIL UJIAN | HADIR UJIAN | LULUS UJIAN |
| 1. | Pegawai Penguatkuasa Gred N41 | 4-8 Januari 2015 | 5,444 | 2,287 | 838 |
| 2. | Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27 | 4-8 Januari 2015 | 9,430 | 3647 | 1608 |
| 3. | Pembantu Penguatkuasa Gred N17 | 1-10 Mac 2015 | 11,914 | 635 | 295 |
| 4. | Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 | 22-25 Mac 2015 | 4,598 | 2,163 | 399 |
| 5. | Leftenan Muda Maritim Gred XA13 | 27-30 April 2015 | 2,235 | 674 | 198 |
| 6. | Pegawai Bomba Gred KB17 | 7-15 Jun 2015 | 20,564 | 4,761 | 954 |
| 7. | Laskar Kelas II Maritim Gred XA1 | 26-30 Julai 2015 | 4,712 | 951 | 293 |
| 8. | Pegawai Penjara Gred KX17 | 5-12 September 2015 | 21,395 | 3,489 | 924 |
| 9. | Pegawai Imigresen Gred KP17 | 15-21 November 2015 | 22,496 | 3,720 | 679 |
| 10. | Pembantu Penguatkuasa Gred N17 | 14-19 November 2015 | 11,816 | 1,533 | 582 |

JADUAL 22
STATISTIK URUSAN PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (PAC)

| BIL. | JAWATAN | TARIKH | JUMLAH CALON | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | DIPANGGIL PEPERIKSAAN | HADIR PEPERIKSAAN | LULUS PEPERIKSAAN |
| 1. | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27 | 19 Januari 2015 – 12 Februari 2015 | 1,251 | 706 | 327 |
| 2. | Pemandu Gred H11 | 13 April 2015 - 24 April 2015 | 3,419 | 2,317 | 190 |
| 3. | Jurubahasa Gred L17 | 19 April 2015 - 24 April 2015 | 2,310 | 368 | 80 |
| 4. | Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 | 24 April 2015 - 25 April 2015 | 399 | 349 | 309 |
| 5. | Jurufotografi Gred B17 | 6 Julai 2015 - 7 Julai 2015 | 186 | 41 | 40 |
| 6. | Pereka Gred B17 (Semenanjung)<br>Pereka Gred B17 (Sabah) | 1 November 2015 | 303<br>239 | 149<br>142 | 41<br>38 |
| 7. | Jurufotografi Gred B27 | 5 September 2015 | 291 | 181 | 56 |
| 8. | Pereka Gred B41 | 31 Oktober 2015 | 984 | 711 | 115 |

# URUSAN PERKHIDMATAN



## PENGENALAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya seperti berikut:

- Pengesahan pelantikan.
- Pengesahan dalam perkhidmatan.
- Pelanjutan tempoh percubaan.
- Pemberian taraf berpencen.
- Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu.
- Pembatalan tawaran pelantikan.
- Penamatan perkhidmatan.
- Pertukaran perkhidmatan.
- Pertukaran pelantikan.
- Pertukaran sementara.
- Peminjaman.
- Pertukaran tetap.
- Penentuan gaji permulaan.

Jumlah keseluruhan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya pada tahun 2015 adalah sebanyak 77,785 urusan.

## PENGESAHAN PELANTIKAN

Pengesahan pelantikan adalah satu proses untuk mengesahkan pelantikan calon yang menerima sesuatu tawaran jawatan dan telah memenuhi syarat-syarat dalam tawaran pelantikan. Suruhanjaya telah mengesahkan pelantikan untuk 25,587 pegawai pada tahun 2015 iaitu seramai 7,830 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 17,757 pegawai Kumpulan Pelaksana. Maklumat pengesahan pelantikan adalah seperti di **Jadual 23**.

JADUAL 23
PENGESAHAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2014-2015

| PERKHIDMATAN | 2014 | | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | PELAKSANA | JUMLAH | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | PELAKSANA | JUMLAH |
| Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 9,578 | 19,867 | 29,445 | 7,824 | 17,720 | 25,544 |
| Perkhidmatan Awam Negeri: | | | | | | |
| Melaka | 3 | 123 | 126 | 0 | 0 | 0 |
| Pulau Pinang | 5 | 57 | 62 | 2 | 18 | 20 |
| Negeri Sembilan | 0 | 181 | 181 | 3 | 15 | 18 |
| Perlis | 0 | 33 | 33 | 1 | 4 | 5 |
| **JUMLAH** | **8** | **394** | **402** | **6** | **37** | **43** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **9,586** | **20,261** | **29,847** | **7,830** | **17,757** | **25,587** |

## PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Seseorang pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya, sama ada tempoh percubaan asal ataupun yang dilanjutkan, lulus peperiksaan yang ditetapkan (jika ada), hadir dengan jayanya Kursus Induksi/ Program Transformasi Minda dan mendapat sokongan Ketua Jabatan, layak disahkan dalam perkhidmatan mengikut Peraturan 29(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan untuk 24,607 pegawai pada tahun 2015. Seramai 6,767 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 17,840 pegawai dari Kumpulan Pelaksana telah disahkan dalam perkhidmatan pada tahun 2015 seperti di **Jadual 24**.

JADUAL 24
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2014-2015

| PERKHIDMATAN | 2014 | | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | PELAKSANA | JUMLAH | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | PELAKSANA | JUMLAH |
| Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 6,461 | 19,200 | 25,661 | 6,757 | 17,729 | 24,486 |
| Perkhidmatan Awam Negeri: | | | | | | |
| Melaka | 6 | 98 | 104 | 0 | 0 | 0 |
| Pulau Pinang | 8 | 133 | 141 | 5 | 53 | 58 |
| Negeri Sembilan | 0 | 134 | 134 | 4 | 55 | 59 |
| Perlis | 6 | 22 | 28 | 1 | 3 | 4 |
| JUMLAH | 20 | 387 | 407 | 10 | 111 | 121 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 6,481 | 19,587 | 26,068 | 6,767 | 17,840 | 24,607 |

## PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan kerana tidak lulus peperiksaan atau belum hadir Kursus Induksi/Program Transformasi Minda yang ditetapkan atau tidak mendapat perakuan sokongan dari Ketua Jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaan sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 30(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

Pada tahun 2015, sebanyak 294 pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya telah diberi pelanjutan tempoh percubaan. Seramai 112 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan seramai 182 pegawai Kumpulan Pelaksana telah dilanjutkan tempoh percubaan. Maklumat pelanjutan tempoh percubaan adalah seperti di **Jadual 25**.

JADUAL 25
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN BAGI TAHUN 2014-2015

| PERKHIDMATAN | 2014 | | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | PELAKSANA | JUMLAH | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | PELAKSANA | JUMLAH |
| Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 476 | 273 | 749 | 109 | 181 | 290 |
| Perkhidmatan Awam Negeri: | | | | | | |
| Melaka | 3 | 4 | 7 | 0 | 0 | 0 |
| Pulau Pinang | 3 | 3 | 6 | 2 | 0 | 2 |
| Negeri Sembilan | 0 | 42 | 42 | 1 | 1 | 2 |
| Perlis | 2 | 1 | 3 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 8 | 50 | 58 | 3 | 1 | 4 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 484 | 323 | 807 | 112 | 182 | 294 |

## PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

Seseorang pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang tidak bersetuju memilih opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengikut Peraturan 37 dan telah berkhidmat selama tidak kurang daripada tiga (3) tahun yang boleh diambil kira, boleh diberi taraf berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 38(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.





Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 24,200 pegawai dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Seramai 5,199 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 19,001 pegawai Kumpulan Pelaksana telah diberikan taraf berpencen seperti di **Jadual 26**.

JADUAL 26
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN BAGI TAHUN 2014-2015

| PERKHIDMATAN | 2014 | | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | PELAKSANA | JUMLAH | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | PELAKSANA | JUMLAH |
| Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 3,245 | 13,816 | 17,061 | 5,182 | 18,768 | 23,950 |
| Perkhidmatan Awam Negeri: | | | | | | |
| Melaka | 5 | 127 | 132 | 0 | 0 | 0 |
| Pulau Pinang | 9 | 114 | 123 | 7 | 193 | 200 |
| Negeri Sembilan | 0 | 135 | 135 | 8 | 33 | 41 |
| Perlis | 6 | 13 | 19 | 2 | 7 | 9 |
| JUMLAH | 20 | 389 | 409 | 17 | 233 | 250 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 3,265 | 14,205 | 17,470 | 5,199 | 19,001 | 24,200 |

## KEMBALI KE DALAM SKIM PERKHIDMATAN TERDAHULU

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam skim perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain. Permohonan pegawai boleh dipertimbangkan dengan syarat pegawai telah melalui tempoh percubaan minimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang lain itu, ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan mestilah diperolehi dan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik yang sama. Namun begitu, kegagalan pegawai untuk disahkan mestilah bukan atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan. Pada tahun 2015, seramai **lapan (8)** pegawai telah dikembalikan ke dalam skim perkhidmatan terdahulu.

## PEMBATALAN TAWARAN PELANTIKAN

Seseorang calon yang gagal memenuhi syarat tawaran pelantikan, iaitu sama ada disebabkan oleh keadaan kesihatan yang tidak memuaskan atau tidak mematuhi mana-mana syarat dalam Akuan Berkanun dan tidak menandatangani Surat Aku Janji mengikut Peraturan 20(5) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 boleh dibatalkan tawaran pelantikannya. Pada tahun 2015, seramai **tujuh (7)** pegawai telah dibatalkan tawaran pelantikan oleh Suruhanjaya.

## NOTIS PENAMATAN PERKHIDMATAN

Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan di bawah Peraturan 48, 49 dan 50 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 melainkan jika pegawai itu telah diberi peluang untuk menunjukkan sebab dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan.

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah mengeluarkan **195 notis penamatan** kepada pegawai bagi memberi peluang kepada pegawai mengemukakan sebab mengapa perkhidmatan mereka tidak boleh ditamatkan.

## PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam mestilah sihat dan tidak menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya, tidak membuat akuan berkanun palsu, menandatangani Surat Aku Janji, tidak memalsukan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan pelantikannya dan lulus tapisan keselamatan, jika disyaratkan. Pegawai yang masih dalam tempoh percubaan dan tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 48, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Bagi pegawai yang gagal tapisan keselamatan dalam tempoh percubaan boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 49 di bawah peraturan yang sama. Pegawai yang gagal disahkan dalam perkhidmatan selepas tamat tempoh percubaan mereka kerana gagal memenuhi syarat pengesahan yang ditetapkan, juga boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 50 di bawah peraturan yang sama.

Suruhanjaya telah menamatkan perkhidmatan seramai 81 pegawai pada tahun 2015. Maklumat adalah seperti di **Jadual 27**.

JADUAL 27
KES PENAMATAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL. | SEBAB PENAMATAN PERKHIDMATAN | 2014 | | | 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | PELAKSANA | JUMLAH | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | PELAKSANA | JUMLAH |
| 1. | Tidak lulus peperiksaan | 0 | 8 | 8 | 1 | 4 | 5 |
| 2. | Tidak mendapat perakuan Ketua Jabatan | 15 | 58 | 73 | 15 | 53 | 68 |
| 3. | Membuat Akuan Palsu | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 | 5 |
| 4. | Menyembunyikan maklumat kesihatan/ peribadi | 0 | 1 | 1 | 1 | 1 | 2 |
| 5. | Memalsukan dokumen | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 6. | Gagal Tapisan Keselamatan | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 |
| JUMLAH | | 20 | 67 | 83 | 17 | 64 | 81 |

## PERTUKARAN

Pertukaran yang diuruskan oleh Suruhanjaya melibatkan:

- Pertukaran seseorang pegawai dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.
- Pertukaran seseorang pegawai dari perkhidmatan awam dan badan berkanun yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain dan pegawai badan berkanun ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.
- Pelepasan seseorang pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain.

Pertukaran ini dilaksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002, Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012 melalui kaedah berikut:





- Pertukaran perkhidmatan.
- Pertukaran pelantikan.
- Pelantikan secara pertukaran sementara.
- Pelantikan secara peminjaman.
- Pelantikan secara pertukaran tetap.
- Pelepasan dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

## PERTUKARAN PERKHIDMATAN

Pertukaran seseorang pegawai ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama dan berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama tetapi di bawah Ketua Perkhidmatan yang berlainan adalah dibenarkan dengan persetujuan Ketua Jabatan asal pegawai dan Ketua Jabatan agensi penerima. Alasan yang boleh dijadikan asas pertimbangan Suruhanjaya dalam meluluskan pertukaran perkhidmatan seseorang pegawai adalah seperti berikut:

a. Faktor perikemanusiaan seperti mengikuti suami atau isteri, menjaga ibu bapa atau ahli keluarga yang uzur atau sebab kesihatan.
b. Arahan Kerajaan yang memerlukan pegawai bertugas di agensi awam yang tidak membolehkan beliau ditempatkan secara pertukaran biasa.
c. Perkhidmatan, kemahiran, kepakaran atau pengalaman pegawai sangat diperlukan oleh agensi penerima.
d. Tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai sedia ada di agensi penerima jika pertukaran pelantikan melibatkan jawatan kenaikan pangkat.

Kelulusan pertukaran perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya adalah mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005. Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah memproses 96 pertukaran perkhidmatan. Maklumat pertukaran perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 28**.

JADUAL 28
PERTUKARAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL. | PERKHIDMATAN | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan<br>a. Pertukaran Perkhidmatan Atas Permohonan Pegawai<br>b. Pertukaran Perkhidmatan Atas Arahan Kerajaan | <br>58<br>0 | <br>63<br>0 |
| 2. | Dari Perkhidmatan Awam Negeri Di Bawah Bidang Kuasa Suruhanjaya Ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan | 5 | 33 |
| JUMLAH | | 63 | 96 |

## PERTUKARAN PELANTIKAN ATAS PERMOHONAN SENDIRI

Pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri dilaksanakan bagi membolehkan seseorang pegawai berpindah ke skim perkhidmatan yang sama di Pihak Berkuasa Melantik yang lain ke tempat pilihan mereka atas sebab-sebab tertentu. Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kriteria-kriteria serta syarat-syarat pertukaran pelantikan yang ditetapkan sahaja akan dipertimbangkan.

Urusan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002. Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah meluluskan **21 pertukaran pelantikan**.

## PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN

Pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen bermaksud perpindahan seseorang pegawai dari satu skim perkhidmatan yang sama atau berlainan berikutan pembubaran atau pemansuhan jawatan yang perlu dibuat melalui opsyen.

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah meluluskan pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen kepada **68 pegawai**. Pertukaran pelantikan bagi tahun 2015 dibuat melalui pewakilan kuasa kepada Ketua Jabatan kerana melibatkan jumlah pegawai yang ramai. Bilangan pegawai yang terlibat dalam pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen adalah bergantung kepada penetapan atau perubahan dasar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa.

## PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai perkhidmatan awam Persekutuan ke perkhidmatan yang lain dalam angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pelajaran atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan hakikinya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka. Pelantikan secara pertukaran ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012.

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah meluluskan **572 pelantikan secara pertukaran sementara** pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan bagi mengisi jawatan di kementerian/jabatan/agensi dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

## PELANTIKAN SECARA PEMINJAMAN

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan mana-mana pegawai mengikut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan iaitu pegawai dalam perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pelajaran ke perkhidmatan awam tiap-tiap negeri (selain daripada Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis), Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia. Pelantikan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Suruhanjaya telah memproses **73 pelantikan secara peminjaman** pada tahun 2015.

## PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP

Pelantikan secara pertukaran tetap ialah pelantikan pegawai yang berkhidmat secara peminjaman atau pertukaran sementara ke mana-mana jawatan di agensi peminjam sekurang-kurangnya setahun, di mana dengan pelantikan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap. Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah meluluskan **16 pertukaran tetap pegawai**.

Maklumat mengenai pelantikan secara pertukaran sementara, pemendekan pertukaran sementara, peminjaman dan pelantikan secara pertukaran tetap perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 29**.





JADUAL 29
PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA, PEMENDEKAN PERTUKARAN SEMENTARA, PEMINJAMAN, PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL. | URUSAN | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pelantikan Secara Pertukaran Sementara | 633 | 572 |
| 2. | Pelantikan Secara Peminjaman | 53 | 73 |
| 3. | Pertukaran Tetap<br>a) Pelantikan Secara Pertukaran Sementara<br>b) Pelantikan Secara Peminjaman | <br>0<br>14 | <br>10<br>6 |
| JUMLAH | | 700 | 661 |

## PELEPASAN UNTUK PEMINJAMAN DAN PERTUKARAN PELANTIKAN

Pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya sebagai Pihak Berkuasa Melantik untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain seperti perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, pasukan polis dan perkhidmatan pelajaran atau perkhidmatan awam tiap-tiap negeri selain daripada Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus. Pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012.

Pelepasan untuk pertukaran pelantikan bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk ditukar lantik di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah lain yang ditetapkan. Pelepasan untuk pertukaran pelantikan dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002.

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah meluluskan 151 permohonan di mana 131 adalah pelepasan untuk peminjaman dan 20 melibatkan pelepasan untuk pertukaran pelantikan. Maklumat pelepasan untuk peminjaman dan pertukaran pelantikan adalah seperti di **Jadual 30**.

JADUAL 30
PELEPASAN UNTUK PEMINJAMAN DAN PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL. | URUSAN | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pelepasan Untuk Peminjaman | 178 | 131 |
| 2. | Pelepasan Untuk Pertukaran Pelantikan | 35 | 20 |
| JUMLAH | | 213 | 151 |

## PENENTUAN GAJI PERMULAAN

Penentuan gaji permulaan seseorang pegawai dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan berikut:

- Seseorang pegawai yang dilantik bagi kali pertama ke dalam perkhidmatan awam akan ditentukan gaji permulaan dalam jadual gaji skim perkhidmatan yang dilantik seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 25(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

- Pegawai yang telah disahkan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, penentuan gaji permulaan pegawai itu hendaklah pada suatu mata gaji yang lebih tinggi seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 25(7) dan 25(8) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

- Pegawai yang dilantik bagi kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan itu seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.

- Bekas tentera yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam yang mempunyai pengalaman yang relevan atau tidak relevan sepenuhnya dengan skop dan fungsi tugas jawatan yang disandang boleh dipertimbangkan Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) mengikut formula yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1979 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011.

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah meluluskan 1,795 urusan penentuan gaji permulaan pegawai Perkhidmatan Awam iaitu sebanyak 1,320 di bawah Peraturan 25(7) dan 25(8) iaitu berdasarkan pengalaman relevan, sebanyak 403 urusan di bawah Peraturan 25(2) iaitu berdasarkan pengalaman kontrak dan swasta manakala 24 urusan di bawah Peraturan 26 berdasarkan kelayakan khas atau bakat pegawai serta hal keadaan khas yang diputuskan oleh Kerajaan dan sebanyak 28 urusan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011. Maklumat penentuan gaji permulaan adalah seperti di **Jadual 31**.

JADUAL 31
PENENTUAN GAJI PERMULAAN BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL. | URUSAN | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru mengikut Peraturan 25(7) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. | 865 | 1,320 |
| 2. | Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman di sektor swasta mengikut Peraturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. | 594 | 403 |
| 3. | Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru berdasarkan kelayakan khas atau bakat serta hal keadaan khas yang diputuskan oleh Kerajaan mengikut Peraturan 26 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 | 39 | 24 |
| 4. | Bekas Tentera yang di lantik ke dalam Perkhidmatan Awam yang mempunyai pengalaman yang releven atau tidak releven sepenuhnya dengan skop dan fungsi tugas jawatan yang di sandang mengikut formula HPG yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1979 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011. | 21 | 26 |
| JUMLAH | | 1,519 | 1,795 |





# NAZIRAN URUSAN PERKHIDMATAN

Naziran urusan perkhidmatan adalah bertujuan untuk mewujudkan keseragaman dan memastikan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh kementerian/jabatan/agensi bagi pegawai lantikan SPA mematuhi dasar dan peraturan, pekeliling, surat pekeliling, pandangan perundangan dan *ruling* Suruhanjaya dari semasa ke semasa. Prosedur ini dilaksanakan oleh Bahagian Perkhidmatan SPA dalam memantau urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh kementerian/jabatan/agensi bagi urusan-urusan pengesahan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pelanjutan tempoh percubaan dan pemberian taraf berpencen.

Selain itu, semakan secara rawak juga dibuat ke atas fail yang melibatkan penghantaran perakuan urusan perkhidmatan pegawai secara *online* iaitu melalui Sistem e-Pengesahan untuk memastikan perakuan yang dikemukakan oleh kementerian/jabatan/agensi adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Usaha ini bertujuan membantu kementerian/jabatan/agensi memperbaiki serta mengatasi kelemahan yang berlaku agar perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan. Pasukan naziran turut memberi taklimat ringkas berkenaan kesilapan lazim urusan perkhidmatan, perkongsian ilmu dan khidmat nasihat serta penjelasan berhubung soalan yang dikemukakan oleh kementerian/jabatan/agensi semasa naziran dilaksanakan.

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah menjalankan naziran ke atas **14 buah kementerian/jabatan/agensi** yang tertakluk di bawah bidang kuasa lantikan SPA. Suruhanjaya juga telah mengambil tindakan susulan pada hari naziran dijalankan seperti berikut:

- Membuat teguran secara terus kepada Pengurusan Sumber Manusia di kementerian/jabatan/agensi terlibat.

- Memberi khidmat nasihat mengenai urusan perkhidmatan yang dilaksanakan agar ianya selaras dengan peraturan dan kaedah yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

- Meminta Pengurusan Sumber Manusia mengambil tindakan pembetulan segera berasaskan teguran yang dibuat.

Suruhanjaya juga telah mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak Pengurusan Sumber Manusia supaya:

- Mengadakan kursus perkhidmatan kepada pegawai yang baru dilantik, baru bertukar dan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung menguruskan urusan perkhidmatan di peringkat kementerian/jabatan/agensi.

- Urusan naziran dilakukan secara berkala pada setiap tahun bagi mengelakkan berlakunya kesilapan ketika menguruskan urusan perkhidmatan.

Suruhanjaya telah memaklumkan keputusan dan penemuan naziran untuk tindakan penambahbaikan di peringkat kementerian/jabatan/agensi bagi meningkatkan kualiti dalam pelaksanaan urusan perkhidmatan dan perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- Menggunakan senarai semak yang diedarkan oleh Suruhanjaya dan memanjangkan penggunaan senarai semak ke jabatan/agensi di bawah tanggungjawab mereka.

- Menghantar perakuan terus ke Suruhanjaya bagi mempercepatkan proses dan disalinkan untuk maklumat Kementerian.

- Menjalankan naziran urusan perkhidmatan secara berkala agar urusan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan sistematik.

# URUSAN NAIK PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB

## PENGENALAN

Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan, antara lain, fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia adalah untuk menaikkan pangkat dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan. Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib meliputi urusan-urusan berikut:

- Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.
- Menguruskan rayuan tatatertib.
- Menguruskan kenaikan pangkat bagi Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.
- Menguruskan rayuan kenaikan pangkat.

## KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya melaksanakan urusan kenaikan pangkat Ahli-Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam bagi jawatan-jawatan berikut:

1. Ketua Setiausaha Negara.
2. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
3. Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
4. Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.
5. Ketua Pengarah Kesihatan.
6. Ketua Pengarah Kerja Raya.

Sepanjang tahun 2015, Suruhanjaya telah melaksanakan **tiga (3) urusan kenaikan pangkat** Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam. Maklumat Kenaikan pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam seperti di **Jadual 32**.

JADUAL 32
URUSAN KENAIKAN PANGKAT AHLI LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL. | URUSAN | 2014 (BILANGAN PEGAWAI) | 2015 (BILANGAN PEGAWAI) |
|---|---|---|---|
| 1. | Ketua Setiausaha Negara | - | - |
| 2. | Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam<br>Gred Utama Turus I | 1 | - |
| 3. | Ketua Setiausaha Perbendaharaan | - | - |
| 4. | Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia<br>Gred Utama Turus II | 1 | 1 |
| 5. | Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri<br>Gred Utama Turus III | - | 1 |
| 6. | Ketua Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya<br>Gred Utama Turus III | - | 1 |
| JUMLAH | | 2 | 3 |

## RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis mulai 1 April 2010 sebagaimana diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010.

Sepanjang tahun 2015, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam telah menimbang 66 kes dalam lima (5) jenis urusan iaitu 12 kes rayuan kerana gagal dinaikkan pangkat, 12 kes rayuan untuk meminda tarikh dinaikkan pangkat, 40 kes rayuan kerana gagal dalam urusan pemangkuan, satu (1) kes rayuan untuk meminda tarikh pemangkuan dan satu (1) kes rayuan terhadap penamatan pemangkuan. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 33**.

JADUAL 33
URUSAN RAYUAN KENAIKAN PANGKAT/PEMANGKUAN BAGI TAHUN 2014 – 2015

| BIL. | URUSAN | TAHUN 2014 | | | | TAHUN 2015 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BILANGAN KES | BILANGAN PEGAWAI | KEPUTUSAN | | BILANGAN KES | BILANGAN PEGAWAI | KEPUTUSAN | |
| | | | | TERIMA | TOLAK | | | TERIMA | TOLAK |
| 1. | Rayuan kerana gagal dinaikkan pangkat | 2 | 2 | - | 2 | 12 | 277 | - | 277 |
| 2. | Rayuan untuk meminda tarikh dinaikkan pangkat | - | - | - | - | 12 | 50 | - | 50 |
| 3. | Rayuan kerana gagal dalam urusan pemangkuan | 47 | 394 | - | 394 | 40 | 181 | - | 181 |
| 4. | Rayuan untuk meminda tarikh pemangkuan | 4 | 4 | - | 4 | 1 | 1 | - | 1 |
| 5. | Rayuan penamatan pemangkuan | 1 | 1 | - | 1 | 1 | 1 | - | 1 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **54** | **401** | **-** | **401** | **66** | **510** | **-** | **510** |

## KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang, khususnya Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U.(A) 396/1993], sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib bagi kes seperti berikut:

- Tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai Kumpulan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.
- Tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dalam Perkhidmatan Awam bagi Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Sepanjang tahun 2015, Suruhanjaya telah memutuskan 68 kes tindakan tatatertib. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 34**.

JADUAL 34
TINDAKAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2014 – 2015

| BIL. | JENIS KESALAHAN | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Tidak hadir bertugas | 83 | 25 |
| 2. | Sabitan mahkamah | 12 | 20 |
| 3. | Tatakelakuan | 28 | 23 |
| **JUMLAH** | | **103** | **68** |





### a) Tahan Kerja

Perintah Tahan Kerja dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

- Prosiding jenayah.
- Prosiding tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah menahan kerja lima (5) pegawai yang menghadapi prosiding jenayah di mahkamah. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 35**.

JADUAL 35
KES TAHAN KERJA BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL. | JENIS KESALAHAN | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Akta Pencegahan Rasuah 1997/Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 | 15 | 4 |
| 2. | Kesalahan di bawah Kanun Keseksaan/Undang-Undang Lain | 2 | - |
| 3. | Kesalahan jenayah di bawah Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah atau Enakmen Undang-Undang Islam | - | 1 |
| **JUMLAH** | | **17** | **5** |

### b) Gantung Kerja

Perintah Gantung Kerja dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

- Pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah.
- Suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 396/1993] telah dibuat terhadap pegawai.

Sepanjang tahun 2015, Suruhanjaya telah menggantung kerja lima (5) orang pegawai kerana disabitkan kesalahan oleh mahkamah. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 36**.

JADUAL 36
KES GANTUNG KERJA BAGI TAHUN 2014 – 2015

| BIL. | JENIS KESALAHAN | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| 1. | Akta Pencegahan Rasuah 1997/Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia/ 2009 | 3 | 1 |
| 2. | Kesalahan di bawah Kanun Keseksaan / Undang-Undang Lain | 3 | 1 |
| 3. | Kesalahan jenayah di bawah Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah atau Enakmen Undang-Undang Islam | - | 3 |
| **JUMLAH** | | **6** | **5** |

# RAYUAN TATATERTIB

Selaras dengan Peraturan 12 Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U.(A) 396/1993], Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ditubuhkan dan Lembaga tersebut berfungsi bagi mengendalikan kes-kes seperti berikut:

- Rayuan daripada semua kumpulan pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan dan Perlis, yang dikenakan hukuman tatatertib oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan atau pentadbiran negeri yang berkenaan.
- Rayuan daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang yang telah dikenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat serta rayuan daripada pegawai Kumpulan Sokongan II dalam perkhidmatan awam tersebut, yang telah dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat oleh Lembaga Tatatertib di pentadbiran negeri berkenaan.

Sepanjang tahun 2015, Suruhanjaya telah memutuskan 464 kes rayuan tatatertib. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEPUTUSAN RAYUAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2014-2015

| BIL | PERKARA | TAHUN | |
|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2015 |
| 1. | Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib Jabatan | 397 | 400 |
| 2. | Menghantar balik kes untuk ditimbang semula (Remit) | 0 | 11 |
| 3. | Mengubah hukuman kepada yang lebih ringan | 49 | 20 |
| 4. | Mengakas keputusan dan hukuman dan membebaskan perayu | 35 | 33 |
| **JUMLAH** | | **481** | **464** |

# MESYUARAT DAN PERSIDANGAN SURUHANJAYA



## MESYUARAT SURUHANJAYA

Pada tahun 2015, Suruhanjaya telah mengadakan 42 kali Mesyuarat Suruhanjaya. Sebanyak 2,113 kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan ini bermakna secara purata sebanyak 50 Kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam setiap mesyuarat.

Retreat Suruhanjaya pula telah diadakan sebanyak satu (1) kali pada 16 hingga 18 Mac 2015 di Hotel Mega Miri, Sarawak dengan tiga (3) isu dibentangkan. Manakala, Mesyuarat Khas Suruhanjaya telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 10 September 2015 di Meeting Suite 2 & 3, Tingkat 6, Hotel Le Meridien Kota Kinabalu Sabah dan 24 November 2015 di Pelangi *Ballroom* Shangri La Rasa Sayang Resort, Pulau Pinang. Sebanyak tujuh (7) kertas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Suruhanjaya tersebut.

## PERSIDANGAN SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Ke-18 telah diadakan pada 11 hingga 13 Mei 2015 di The Everly Hotel, Putrajaya bertemakan **"Pembudayaan Integriti Pemacu Transformasi"**. Objektif persidangan ini ialah untuk memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan mengenai isu berkaitan dengan urusan pengambilan, perkhidmatan serta pengurusan sumber manusia dalam perkhidmatan awam. Ini akan membolehkan peserta menimba ilmu dan berkongsi pengalaman termasuk amalan-amalan terbaik urusan pengambilan dan pengurusan sumber manusia, seterusnya melaksanakannya ke arah perkhidmatan awam yang dinamik serta cemerlang.

Majlis perasmian persidangan tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Manakala majlis penutupan telah disempurnakan oleh oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Seramai 130 orang peserta telah menghadiri persidangan ini yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri-Negeri, Suruhanjaya Pasukan Polis serta Pentadbiran Kerajaan Negeri, SUK Negeri Melaka, SUK Negeri Perlis, SUK Negeri Pulau Pinang dan SUK Negeri Sembilan.

### Kertas-Kertas Pembentangan:

Sebanyak tiga (3) kertas kerja, satu (1) sesi khas bersama YBhg. Tan Sri Samsudin bin Osman dan satu (1) sesi forum telah berlangsung di persidangan tersebut seperti berikut:

a) Kertas 1
Peperiksaan *Online* SPA: Cabaran dan Kejayaan

Kertas kerja pada sesi ini telah dibentangkan oleh YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

b) Kertas 2
Peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) Dalam Urusan Pelantikan Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Pendidikan dan Kumpulan Pelaksana Yang Berkualiti: Dapatan Dan Cabaran

Kertas kerja pada sesi ini telah dibentangkan oleh YBhg. Datuk Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia.

c) Kertas 3
*Judicial Review Decisions: Lessons Learnt*

Kertas kerja pada sesi ini telah dibentangkan oleh Tuan Shamsul bin Bolhassan, Ketua Unit Perlembagaan dan Undang-Undang Pentadbiran, Jabatan Peguam Negara Malaysia.

d) Sesi Khas bersama YBhg. Tan Sri Samsudin bin Osman

Sesi khas bersama YBhg. Tan Sri Samsudin bin Osman, Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Mantan Ketua Setiausaha Negara telah membincangkan mengenai Transformasi SPA, Kepelbagaian (*Diversity*) Dalam Perkhidmatan Awam dan Peningkatan Kes-Kes Rasuah di Kalangan Penjawat Awam.

e) Forum

Sesi forum yang bertajuk "Pengalaman Sebagai Ahli Suruhanjaya" dipengerusikan oleh YB Dato' Hj Mohd Rashidi bin Mohd Noor, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor. Manakala, ahli-ahli panel terdiri daripada YBhg. Datuk Mohd Zain Mohd Dom (Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia), Puan Rahimah binti Mohd Sura (Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia), dan YBhg. Dato' Nik Kamaruddin bin Ismail (Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan).

## RUMUSAN

Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia kali ke-18 telah menimbang untuk mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan seperti berikut:

a) Cadangan bagi kertas 1:

i. Peperiksaan *online* telah dibangunkan dengan mengambil kira isu-isu keselamatan melalui penyediaan sebanyak 15 *security features* dan ujian psikometrik bagi menentukan tahap integriti calon yang menduduki peperiksaan *online*. Namun, peperiksaan online ini merupakan kaedah tapisan sebelum calon dipanggil untuk mengikuti penilaian di *assessment centre* dan seterusnya di temu duga berasaskan *Competency-Based Interview* (CBI).

ii. Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan yang lain boleh bekerjasama dengan SPA Malaysia bagi menjayakan inovasi melalui Sistem Peperiksaan *Online*.

b) Cadangan bagi kertas 2:

i. SPP dilibatkan dalam pemilihan kemasukan graduan ke IPGM dan calon tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menilai kualiti calon graduan sebelum diambil untuk mengikuti pengajian di IPGM atau IPTA.

ii. SPP merancang untuk melaksanakan ujian psikometrik secara atas talian ke atas semua calon bagi membantu pemilihan calon yang berkualiti.

iii. Bagi calon-calon yang mempunyai kelayakan ijazah yang memohon jawatan Gred 17 dan ke bawah, pihak SPP hanya akan menimbangkan calon yang telah menganggur melebihi tempoh 3 tahun sahaja untuk dilantik.

c) Cadangan bagi kertas 3:

i. Semakan kehakiman yang melibatkan kes-kes tatatertib harus dijadikan panduan kepada urus setia tatatertib dalam pengurusan tatatertib dan juga kepada Lembaga Tatatertib dalam menimbang dan memutuskan kes-kes tatatertib agar tidak melanggar prinsip-prinsip perundangan seperti *natural justice, condonation* dan *double jeopardy*.

ii. Pihak mahkamah mengambil kira elemen-elemen *illegality, irrationality, procedural impropriety* dan *proportionality* sebagai alasan dalam memutuskan sesuatu semakan kehakiman kes tatatertib.





iii. Perkongsian ilmu dan pengalaman mengenai kesilapan lazim dalam pengurusan tatatertib perlu dipergiatkan melalui *roadshow* dan bengkel tatatertib bagi mengelakkan berlakunya kesilapan teknikal yang boleh dicabar di mahkamah.

d) Cadangan bagi Sesi Khas bersama YBhg. Tan Sri Samsudin bin Osman, Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Mantan Ketua Setiausaha Negara:

i. Suruhanjaya wajar menimbang untuk mengambil kira prinsip kepelbagaian (*diversity*) dalam urusan pengambilan penjawat awam. Prinsip kepelbagaian yang diamalkan dalam pengambilan penjawat awam oleh *Civil Service Commission United Kingdom* boleh dijadikan panduan oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan di Malaysia agar persaingan secara adil dan terbuka (*open and fair competition*) dapat diwujudkan.

ii. Tuntutan pihak Sabah dan Sarawak supaya diberi pengiktirafan dari segi pengenalpastian kaum etniknya dalam semua urusan kerajaan hendaklah diberi perhatian sewajarnya.

iii. Sewajarnya isu rasuah ditangani dengan melihat kepada konsep kepimpinan melalui teladan. Pemimpin memainkan peranan penting di mana isu rasuah patut ditangani secara *top down* dan bukan *bottom up*.

iv. Ujian psikometrik atau ujian-ujian lain yang bersesuaian perlu dilaksanakan dalam proses pengambilan bagi memastikan calon yang dilantik adalah calon yang tepat dan berintegriti. Di samping itu, ujian ini dapat mengenal pasti kecenderungan calon dari segi kesesuaiannya untuk dilantik ke jawatan yang dimohon.

e) Cadangan bagi forum:

i. Pelaksanaan temu duga secara *one-off* perlu dilihat semula dari segi kesesuaiannya sama ada ia memadai untuk menilai calon terutamanya bagi calon kumpulan pengurusan dan professional. Amalan beberapa tahap temu duga di sektor swasta sebelum melantik seseorang calon boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di sektor awam. Kaedah ini akan dapat membantu mengenal pasti hanya calon yang benar-benar berkelayakan dilantik sebagai penjawat awam.

ii. Sektor awam perlu mengambil langkah-langkah serius untuk mengekalkan pegawai berprestasi tinggi di kementerian/jabatan/agensi masing-masing bagi membantu pembangunan negara. Dalam masa yang sama, pegawai-pegawai yang bermasalah perlu dipantau agar tidak menjejaskan prestasi dan nama baik kementerian/jabatan/agensi.

iii. Visi dan misi kementerian/jabatan/agensi perlu dihayati dan difahami di setiap peringkat dari pengurusan atasan sehingga kumpulan sokongan. Ini dapat memupuk *sense of ownership* kepada kementerian/jabatan/agensi berkenaan.

iv. Kebebasan Suruhanjaya hendaklah sentiasa dipelihara bagi menjamin ketelusan dan keadilan dalam pengambilan calon yang berkualiti ke perkhidmatan awam.


1


2


3


4


6


5


7


8

**11 Mei 2015**

1 ▶ 6 Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-18 di The Everly, Putrajaya

7 Majlis Makan Malam Sempena Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 2015

**13 Mei 2015**

8 Bergambar bersama YB Menteri Dato' Joseph Entulu Belaun sempena Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

9 Tan Sri Mahmood Adam menyampaikan cenderahati kepada YB Menteri


9

# BAJET



# PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2015

## PERUNTUKAN TANGGUNGAN

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM10,650,000.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM6,213,700 untuk emolumen, RM4,125,500.00 untuk perkhidmatan dan bekalan dan RM310,800 untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap. Walau bagaimanapun, sehingga tarikh penutupan akaun awam, peruntukan yang diluluskan telah dipinda kepada RM5,850,000.00 disebabkan sekatan oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM4,800,000.00. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan akaun awam adalah sebanyak RM5,193,631.09 atau 88.78% daripada nilai peruntukan yang telah dipinda. Peruntukan Tanggungan bagi tahun 2015 adalah seperti **Carta 4**.

CARTA 4
Peruntukan Tanggungan Tahunan 2015




## PERUNTUKAN BEKALAN

Di bawah maksud Bekalan (B05), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan sebanyak RM50,622,000.00. Daripada jumlah itu, sebanyak RM21,146,300.00 untuk emolumen, RM29,241,700.00 untuk perkhidmatan dan bekalan, RM156,000.00 untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap dan RM78,000.00 untuk aset. Walau bagaimanapun, sehingga tarikh penutupan akaun awam 2015, peruntukan yang diluluskan telah dipinda kepada RM49,800,632.00 disebabkan sekatan oleh Kementerian Kewangan adalah sebanyak RM821,368.00. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan akaun awam adalah sebanyak RM49,430,000.92 atau 99.26% daripada nilai peruntukan yang telah dipinda. Peruntukan bekalan bagi tahun 2015 adalah seperti **Carta 5**.

CARTA 5
PERUNTUKKAN BEKALAN TAHUN 2015



# SOROTAN AKTIVITI SURUHANJAYA













1 ▶ 2 **8 Januari 2015**
Perhimpunan Khas bersama YB Menteri di Dewan Utama, Kementerian Kewangan

3 **29 Januari 2015**
Lawatan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak ke SPA Putrajaya

4 **6 Februari 2015**
Tan Sri Mahmood Adam bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia dan Pegawai Kanan SPA

5 **13 Februari 2015**
Kursus Tips dan Panduan Memasuki Perkhidmatan Awam di Kolej Kejururawatan Hospital Pasir Mas, Kota Bharu Kelantan

6 **11 Mac 2015**
Bergambar kenangan di Akademi Imigresen Malaysia, Port Dickson Negeri Sembilan

7 **13 Mac 2015**
Sesi Dialog Pengerusi SPA bersama Ketua-Ketua Komuniti dan Masyarakat


















1 **8 April 2015**
Majlis Perkongsian Ilmu bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

**17 April 2015**

2 Bergambar kenangan bersama Peserta Lab Perancangan Strategik SPA 2016-2020

3 Lab Perancangan Strategik SPA 2016-2020

4 **19 Mei 2015**
Mesyuarat Pra Temuduga Jawatan Penolong Pegawai Penerangan

**4 Jun 2015**

5 Sesi Taklimat Keselamatan Maklumat Perkhidmatan oleh Pengarah Pembangunan Keselamatan MAMPU

6 Puan Lim Mooi Eia, Setiausaha SPA menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Pembangunan Keselamatan MAMPU












LAPORAN TAHUNAN
2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

1 **9 Jun 2015**
Kursus Pembacaan Doa Dalam Majlis Rasmi

2 **17 Jun 2015**
Perhimpunan Bulanan bulan Jun 2015

3 ▶ 4 **10 Julai 2015**
Pelantikan Ahli Suruhanjaya yang baru iaitu Dato' Sri Abd. Shukor bin Ibrahim dan Dato' Norzam bin Mohd Nor

5 ▶ 6 **23 Julai 2015**
Dato' Seri Arpah binti Abd Razak mengangkat sumpah sebagai Pengerusi SPA yang baru






























1 **29 Julai 2015**
Peperiksaan *Online* Skim Perkhidmatan Jurufotografi dan Pereka

2 **30 Julai 2015**
Kunjungan hormat, Pengerusi SPA ke Pejabat KPPA

3 **31 Julai 2015**
Sesi temubual bersama Setiausaha SPA oleh Radio Perlis FM

**1 Ogos 2015**

4 Karnival Kerjaya dan Hari Mesra Pelanggan 2015 di Perlis yang telah dirasmikan oleh YB Menteri

5 Lawatan ke *booth* pameran sempena Karnival Kerjaya dan Hari Mesra Pelanggan di Perlis

6 YB Menteri sedang menjalani pemeriksaan kesihatan di salah satu *booth* yang telah disediakan









LAPORAN TAHUNAN
2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA



















**13 Ogos 2015**

1 Majlis Jamuan Hari Raya Kompleks C yang disertai oleh seluruh warga Kompleks C, Putrajaya

2 Bergambar bersama kanak-kanak daripada Tadika Nasyrah (SPA) selepas menerima sumbangan duit raya

3 **14 Ogos 2015**
Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Kompleks C tahun 2015

4 **1 September 2015**
Pengerusi SPA menyampaikan cenderamata kepada Ketua Menteri Melaka, sempena kunjungan hormat SPA ke Pejabat SUK Melaka

5 ▶ 6 **2 September 2015**
Mesyuarat SPA dengan Kementerian, Jabatan dan Pentadbiran Negeri di Bawah Bidang Kuasa SPA di Perbendaharaan Malaysia














1 **9 September 2015**
Majlis Pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam di Pejabat Urus Setia Cawangan Sabah

2 ▶ 3 **10 September 2015**
Mesyuarat Khas Suruhanjaya di Hotel Le Meredian Kota Kinabalu, Sabah

4 Pengerusi SPA menyampaikan cenderamata kepada Datuk Ismail Awang Besar, Pengerusi SPA Negeri Sabah sempena lawatan ke Sabah

5 **17 September 2015**
Kunjungan Mesra daripada SPA Negeri Pahang ke SPA Putrajaya

6 Kunjungan Mesra daripada SPA Negeri Terengganu ke SPA Putrajaya













1 **29 September 2015**
Tuan Haji Abdullah Tahir, SUB (PG) sedang menyampaikan taklimat mengenai SPA kepada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS)

2 Bergambar kenangan bersama MIROS

3 **30 September 2015**
Pengerusi SPA menyampaikan surat tawaran pelantikan kepada Kadet PTD di INTAN Bukit Kiara

4 **15 Oktober 2015**
Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam di Bilik Mesyuarat Suruhanjaya, SPA

5 ▶ 6 **20 Oktober 2015**
Mesyuarat bersama Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (SITF) JPM di Bilik Mesyuarat Suruhanjaya, SPA






1


2


3


4

1 ▶ 2 **2 November 2015**
Mesyuarat Suruhanjaya di Hotel Awana, Genting Highland

3 ▶ 5 **3 November 2015**
Bengkel Penggubalan Soalan peperiksaan di Hotel Awana, Genting Highland

6 ▶ 7 **12 November 2015**
Peserta Bengkel Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan SPA di Port Dickson


5



7


6

LAPORAN TAHUNAN
2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA



1


2


3


4

1 ▶ 2 **17 November 2015**
Bengkel Pelan Strategik ICT (PSICT) di Hotel Ramada Plaza, Melaka

3 ▶ 4 **23 November**
Sesi taklimat daripada Pejabat SUK Negeri Pulau Pinang kepada kunjungan hormat Pengerusi SPA di Pejabat Setiausaha Negeri Pulau Pinang, Menara KOMTAR

# DELEGASI LUAR NEGARA



## Republik Kyrzyth

**24 April 2015**





1 Delegasi daripada *Ministry of Finance Kyrgyz Republic*

2 Sesi bergambar kenangan bersama Setiausaha SPA



## Indonesia

**19 Mei 2015**







1 ▶ 2 Sesi taklimat SPA kepada delegasi Lembaga Administrasi Negara Republik Indonesia

3 Sesi bergambar kenangan bersama Pengerusi SPA

LAPORAN TAHUNAN
2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA



## Namibia

**29 Mei 2015**



1



2



3

1. Sesi takilmat SPA kepada delegasi daripada Namibia
2. Pengerusi SPA menyampaikan Sijil Penghargaan kepada wakil delegasi
3. Sesi bergambar kenangan bersama Setiausaha SPA



## Filipina

**20 Oktober 2015**



1



2

1. Sesi taklimat daripada Setiausaha SPA kepada delegasi *Career Executive Service Board*, Filipina
2. Sesi bergambar kenangan bersama Setiausaha SPA





## Kazakhstan

**23 Oktober 2015**



1

1. Sesi taklimat SPA kepada delegasi daripada *Regional Hub of Civil Services in Astana*, Kazakhstan
2. Setiausaha SPA menyampaikan cenderamata kepada wakil delegasi, Alikhan Baimenov
3. Sesi bergambar kenangan bersama Setiausaha SPA



2



3

# JALINAN WARGA SPA


1


2


3


4


5


6


7

1 ▶ 2 **4 Januari 2015**
Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1436H/2015

**28 Januari 2015**

3 Majlis memperkenalkan barisan pemain dan jersi baru Pasukan Bola Sepak SPA

**26 Februari 2015**

4 Tan Sri Mahmood Adam menyampaikan cenderahati kepada Datuk Ramli Juhari sempena persaraan beliau

5 Datuk Ramli Juhari bergambar kenangan bersama-sama Tan Sri Mahmood Adam, Dato' R. Segarajah serta pegawai-pegawai kanan SPA

**28 Februari 2015**

6 Mesyuarat Agung Persatuan Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PASPA) di Dewan Temuduga Aras 6, SPA

7 Proses Pengundian Ahli Jawatankuasa PASPA









**30 Mac 2015**

1 Dato' R. Segarajah sedang menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam acara yang dipertandingkan semasa Hari Keluarga SPA 2015

2 Senamrobik sebelum acara sukan dipertandingkan dimulakan

3 Urus Setia Hari Keluarga SPA 2015

4 Acara tiup tepung merupakan salah satu acara kanak-kanak yang dipertandingkan

**18 April 2015**

5 ▶ 6 Regu lelaki dan wanita dalam perlawanan persahabatan Kelab *Enjoy* SPA

7 Penyampaian cenderahati setelah tamat perlawanan persahabatan di antara Kelab *Enjoy Smash* dan KBSPA yang telah dijuarai oleh Kelab Badminton SPA



LAPORAN TAHUNAN
2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA









**29 Mei 2015**

1 ▶ 4 Majlis Sanjungan Budi Sempena Tamat Perkhidmatan Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya di Dewan Temuduga, Aras 6, SPA

5 ▶ 7 Tan Sri Mahmood Adam Pengerusi SPA, Dato' R. Segarajah Timbalan Pengerusi SPA dan En. Boon Jon Lin Ahli Suruhanjaya, menyampaikan ucapan sempena majlis persaraan mereka


1


2


3


4


5



6

1 **29 Mei 2015**
Pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Maklumat bergambar kenangan bersama Tuan Haji Kamarudzzaman bin Hassan, SUB (PM) di majlis meraikan persaraan beliau

2 **17 Jun 2015**
Pesara yang diraikan dalam majlis perhimpunan bulanan Jun 2015

**3 Ogos 2015**

3 Majlis Jamuan Hari Raya peringkat SPA

4 Pengerusi SPA menyampaikan ucapan Hari Raya buat seluruh warga SPA

5 Pengerusi SPA membuat cabutan bertuah pada Majlis Jamuan Hari Raya peringkat SPA

6 Majlis Jamuan Hari Raya anjuran Bahagian Pengambilan






1


2

1 ▶ 2 **14 Ogos 2015**
Majlis Jamuan Hari Raya anjuran Bahagian Pengurusan

**22 September 2015**

3 Puan Lim Mooi Eia, Setiausaha SPA diraikan dalam majlis persaraan beliau

4 Puan Lim Mooi Eia mengetik kad perakam waktu buat kali terakhir sebagai penjawat awam sempena persaraan beliau

**9 Oktober 2015**

5 ▶ 6 Dato' Zainal Abidin bin Ahmad, Setiausaha SPA melepaskan konvoi *Treasure Hunt* sempena Program Semarak (*Team Building*), Bahagian Pengambilan yang diadakan di Kem Bina Negara Kuala Lipis, Pahang



3


4


6



5













**24 Oktober 2015**

1 Dato' Seri Arpah bersedia untuk membaling bola masuk ke jaring sebagai gimik Pelancaran Karnival Sukan SPA 2015

2 Acara bola jaring antara sukan yang dipertandingkan sempena Karnival Sukan SPA 2015

3 Juara Keseluruhan Karnival Sukan SPA 2015, Pasukan Hang Jebat

4 Naib Juara Karnival Sukan SPA 2015, Pasukan Hang Tuah

5 Tempat Ketiga Karnival Sukan SPA 2015, Pasukan Hang Lekir

6 Tempat Keempat Karnival Sukan SPA 2015, Pasukan Hang Lekiu



LAPORAN TAHUNAN
2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA














1 **24 Oktober15**
Bergambar kenangan di Karnival Sukan SPA di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan OKU Bangi

2 **27 Oktober 2015**
Pengerusi SPA hadir di Majlis Perhimpunan Bulanan SPA bertemakan "Jom Hijrah" yang dianjurkan Bahagian Pengambilan

3 **26 November 2015**
Perhimpunan Bulanan bertemakan "Gaya Hidup Sihat & Ceria" yang dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan

**2 Disember 2015**

**Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2015**

4 Persembahan KIK daripada Kumpulan Pixell, Bahagian Pengurusan Maklumat - Juara

5 Persembahan KIK daripada Kumpulan Citra, Bahagian Peperiksaan - Tempat Kedua

6 Persembahan KIK daripada Kumpulan Kenyalang, SPA Sarawak - Tempat Ketiga

# LAMPIRAN A

## SENARAI JUMLAH PELANTIKAN TETAP MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2015

| BIL. | SKIM PERKHIDMATAN (MENGIKUT SUSUNAN ABJAD DAN GRED) | PELANTIKAN 2015 |
|---|---|---|
| KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | | |
| 1. | AKAUNTAN GRED W41 | 32 |
| 2. | ARKITEK GRED J41 | 4 |
| 3. | JURU X-RAY GRED U41 | 1 |
| 4. | JURU X-RAY GRED U41 (DIAGNOSTIK) | 16 |
| 5. | JURUAUDIT GRED W41 | 16 |
| 6. | JURUBAHASA SERENTAK GRED N41 | 1 |
| 7. | JURUGEOSPATIAL GRED J41 | 16 |
| 8. | JURURAWAT GRED U41 | 77 |
| 9. | JURUTERA (AWAM) GRED J41 | 117 |
| 10. | JURUTERA (ELEKTRIK) GRED J41 | 23 |
| 11. | JURUTERA (ELEKTRONIK) GRED J41 | 3 |
| 12. | JURUTERA (MEKANIKAL) GRED J41 | 35 |
| 13. | JURUUKUR BAHAN GRED J41 | 3 |
| 14. | KURATOR GRED S41 | 16 |
| 15. | LEFTENAN MUDA MARITIM GRED XA13 | 42 |
| 16. | PEGAWAI ARKIB GRED S41 | 11 |
| 17. | PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S41 | 7 |
| 18. | PEGAWAI FARMASI GRED U41 | 182 |
| 19. | PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41 | 2 |
| 20. | PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J41 | 35 |
| 21. | PEGAWAI METEOROLOGI GRED C41 | 26 |
| 22. | PEGAWAI OPTOMETRI GRED U41 | 5 |
| 23. | PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S41 | 82 |
| 24. | PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41 (ANGGOTA) | 25 |
| 25. | PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41 (CARA KERJA) | 26 |
| 26. | PEGAWAI PENERANGAN GRED S41 | 9 |
| 27. | PEGAWAI PENGUATKUASA GRED N41 | 138 |
| 28. | PEGAWAI PENILAIAN GRED W41 | 2 |
| 29. | PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN GRED C41 | 2 |
| 30. | PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41 | 45 |
| 31. | PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J41 | 6 |
| 32. | PEGAWAI PERGIGIAN GRED U41 | 318 |
| 33. | PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41 | 24 |
| 34. | PEGAWAI PERUBATAN (KEPAKARAN PERUBATAN KELUARGA) GRED UD51 | 1 |
| 35. | PEGAWAI PERUBATAN (KEPAKARAN PERUBATAN REHABILITASI) GRED UD51 | 1 |
| 36. | PEGAWAI PERUBATAN (PAKAR BEDAH KARDIOTORASIK) GRED UD?? | 1 |
| 37. | PEGAWAI PERUBATAN GRED UD41 | 3,620 |

| BIL. | SKIM PERKHIDMATAN (MENGIKUT SUSUNAN ABJAD DAN GRED) | PELANTIKAN 2015 |
|---|---|---|
| 38. | PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S41 | 73 |
| 39. | PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S41 (KLINIKAL) | 1 |
| 40. | PEGAWAI SAINS GRED C41 | 31 |
| 41. | PEGAWAI SAINS GRED C41 (EMBRIOLOGI) | 2 |
| 42. | PEGAWAI SAINS GRED C41 (FIZIK) | 11 |
| 43. | PEGAWAI SAINS GRED C41 (FORENSIK) | 1 |
| 44. | PEGAWAI SAINS GRED C41 (KAJI SERANGGA) | 8 |
| 45. | PEGAWAI SAINS GRED C41 (KIMIA HAYAT) | 29 |
| 46. | PEGAWAI SAINS GRED C41 (PEMAKANAN) | 55 |
| 47. | PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41 | 235 |
| 48. | PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN GRED C41 | 53 |
| 49. | PEGAWAI VETERINAR GRED G41 | 8 |
| 50. | PEMELIHARA HUTAN GRED G41 | 23 |
| 51. | PEMERIKSA KILANG DAN JENTERA GRED J41 | 19 |
| 52. | PENGAJAR (JURU X-RAY) GRED U41 | 5 |
| 53. | PENGAJAR (JURUPULIH PERUBATAN ANGGOTA) GRED U41 | 4 |
| 54. | PENGAJAR (JURURAWAT) GRED U41 | 40 |
| 55. | PENGAJAR (JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN) GRED U41 | 1 |
| 56. | PENGAJAR (PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN) GRED U41 | 7 |
| 57. | PENGAJAR (PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN) GRED U41 | 18 |
| 58. | PENGUASA KASTAM GRED W41 | 865 |
| 59. | PENGUASA PENJARA GRED KX41 | 30 |
| 60. | PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U41 | 21 |
| 61. | PERANGKAWAN GRED E41 | 16 |
| | **JUMLAH KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | **6,526** |
| | KUMPULAN PELAKSANA (GRED 27-40) | |
| 62. | JURUFOTOGRAFI (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU) GRED B29 | 14 |
| 63. | PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA DGA29 | 1 |
| 64. | PENOLONG AKAUNTAN GRED W27 | 13 |
| 65. | PENOLONG JURUTERA GRED JA29 | 44 |
| 66. | PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH GRED S27 | 33 |
| 67. | PENOLONG PEGAWAI ARKIB GRED S27 | 5 |
| 68. | PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S27 | 79 |
| 69. | PENOLONG PEGAWAI HIDUPAN LIAR GRED G27 | 3 |
| 70. | PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP27 | 6 |
| 71. | PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J29 | 92 |
| 72. | PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S27 | 157 |
| 73. | PENOLONG PEGAWAI PENDAFTARAN GRED KP27 | 29 |
| 74. | PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN GRED S27 | 37 |
| 75. | PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA GRED N27 | 326 |
| 76. | PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W27 | 9 |
| 77. | PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q27 | 6 |
| 78. | PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN GRED E27 | 3 |
| 79. | PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN GRED G27 | 35 |
| 80. | PENOLONG PEGAWAI PERTAHANAN AWAM GRED KP27 | 4 |





| BIL. | SKIM PERKHIDMATAN (MENGIKUT SUSUNAN ABJAD DAN GRED) | PELANTIKAN 2015 |
|---|---|---|
| 81. | PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C27 | 2 |
| 82. | PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27 | 157 |
| 83. | PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT27 | 18 |
| 84. | PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F29 | 117 |
| 85. | PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29 | 12 |
| 86. | PENOLONG PEMERIKSA KILANG DAN JENTERA GRED J29 | 18 |
| 87. | PENOLONG PENGUASA BOMBA GRED KB29 | 82 |
| 88. | PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN GRED KP27 | 67 |
| 89. | PENOLONG PENGUASA KASTAM GRED W27 | 96 |
| 90. | PENOLONG PENGUASA PENJARA GRED KX27 | 44 |
| 91. | PEREKA GRED B27 | 1 |
| 92. | SETIAUSAHA PEJABAT GRED N27 | 1 |
| | **JAWATAN SEPARA PERUBATAN** | |
| 93. | JURU X-RAY GRED U29 | 52 |
| 94. | JURUPULIH PERUBATAN ANGGOTA GRED U29 | 48 |
| 95. | JURUPULIH PERUBATAN CARA KERJA GRED U29 | 51 |
| 96. | JURURAWAT GRED U29 | 4,034 |
| 97. | JURURAWAT PERGIGIAN GRED U29 | 125 |
| 98. | JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN GRED U29 | 119 |
| 99. | JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN GRED U29 | 47 |
| 100. | PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U29 | 131 |
| 101. | PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29 | 248 |
| 102. | PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29 | 1,335 |
| | **JUMLAH PELAKSANA (GRED 27-40)** | **7,701** |
| | KUMPULAN PELAKSANA (GRED 17 KE BAWAH) | |
| 103. | JURUAUDIO VISUAL GRED N17 | 24 |
| 104. | JURUBAHASA GRED L17 | 114 |
| 110. | JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17 | 67 |
| 111. | LASKAR KELAS II MARITIM GRED XA1 | 139 |
| 112. | PEGAWAI BOMBA GRED KB17 | 443 |
| 113. | PEGAWAI IMIGRESEN GRED KP17 | 484 |
| 114. | PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17 | 199 |
| 115. | PEGAWAI PENJARA GRED KX17 | 798 |
| 116. | PELUKIS PELAN (SENI BINA) GRED JA17 | 3 |
| 117. | PEMBANTU ARKIB GRED S17 | 3 |
| 118. | PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S17 | 42 |
| 119. | PEMBANTU HIDUPAN LIAR GRED G17 | 34 |
| 120. | PEMBANTU KESATRIA GRED S17 | 14 |
| 121. | PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP17 | 32 |
| 122. | PEMBANTU LAUT GRED A17 | 66 |
| 123. | PEMBANTU MUZIUM GRED S17 | 17 |
| 124. | PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN GRED E17 | 1 |
| 125. | PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S17 | 109 |
| 126. | PEMBANTU PENGUASA KASTAM GRED W17 | 889 |
| 127. | PEMBANTU PENGUATKUASA GRED N17 | 536 |
| 128. | PEMBANTU PENILAIAN GRED W17 | 15 |

| BIL. | SKIM PERKHIDMATAN (MENGIKUT SUSUNAN ABJAD DAN GRED) | PELANTIKAN 2015 |
|---|---|---|
| 129. | PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN GRED N17 | 19 |
| 130. | PEMBANTU PENYELIDIK GRED Q17 | 15 |
| 131. | PEMBANTU PERIKANAN GRED G17 | 36 |
| 132. | PEMBANTU PERPUSTAKAAN GRED S17 | 9 |
| 133. | PEMBANTU PERTAHANAN AWAM GRED KP17 | 16 |
| 134. | PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N17 | 233 |
| 135. | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W17 | 379 |
| 136. | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17 | 1,328 |
| 137. | PEMBANTU VETERINAR GRED G17 | 3 |
| 138. | PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J17 | 6 |
| 139. | PENYELIA ASRAMA GRED N17 | 7 |
| 140. | PEMANDU KENDERAAN GRED H11 | 803 |
| 141. | PEMBANTU AWAM GRED H11 | 672 |
| 142. | PEMBANTU OPERASI GRED N11 | 399 |
| 143. | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U11 | 605 |
| 144. | PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 | 424 |
| 145. | PENGHANTAR NOTIS GRED N11 | 11 |
| JAWATAN SEPARA PERUBATAN | | |
| 146. | JURURAWAT MASYARAKAT GRED U19 | 511 |
| 147. | PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN GRED U17 | 251 |
| 148. | PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U17 | 255 |
| JUMLAH KUMPULAN PELAKSANA (GRED 17 KE BAWAH) | | 10,379 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 24,606 |
| LATIHAN SEPARA PERUBATAN | | |
| 149. | LATIHAN JURU X-RAY | 107 |
| 150. | LATIHAN JURUPULIH PERUBATAN ANGGOTA | 94 |
| 151. | LATIHAN JURUPULIH PERUBATAN CARA KERJA | 95 |
| 152. | LATIHAN JURURAWAT | 2817 |
| 153. | LATIHAN JURURAWAT PERGIGIAN | 81 |
| 154. | LATIHAN JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN | 176 |
| 155. | LATIHAN JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN | 65 |
| 156. | LATIHAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI | 238 |
| 157. | LATIHAN PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN | 260 |
| 158. | LATIHAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN | 1688 |
| 159. | LATIHAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM | 208 |
| 160. | LATIHAN PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN | 435 |
| JUMLAH LATIHAN SEPARA PERUBATAN | | 6,264 |



LAPORAN TAHUNAN
2015
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

# LAGU SPA



DENGAN SEMANGAT MERDEKA
TERTUBUHNYA SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
SATU BADAN YANG PENUH BERWIBAWA

BEBAS, ADIL DAN BERKESAN
ASAS SEGALA URUSANNYA
MELAKSANAKAN FUNGSI PERLEMBAGAAN
MENCORAK PERKHIDMATAN AWAM NEGARA

KUALITI MENJADI TERAS PERKHIDMATAN
MUDAH, CEPAT, TEPAT ASAS TINDAKAN
NILAI ETIKA MURNI DIAMALKAN
MENDOKONG PERKHIDMATAN CEMERLANG

SENTIASA BERTEKAD DAN BERUSAHA
MENEMPUH ARUS KEMAJUAN
BERBEKAL SEMANGAT YANG WAJA
BERGERAK MENCAPAI WAWASAN

**Lagu oleh**
Encik Abdul Rahman bin Jaafar
*(Mantan Urus Setia SPA Cawangan Sarawak)*
dan
Allahyarham Alias bin Jamsuri
*(Mantan Pegawai Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)*

**Lirik oleh**
Tuan Hj Zolkiflie bin Rasip
*(Mantan Pegawai Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)*

ISSN 2289-6449

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**
Aras 6-10, Blok C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62520 Putrajaya, Malaysia.
Telefon: +603 8885 6000 / Faks: +603 8888 5036
Website: www.spa.gov.my